


Jilid II
Bil. 31



Hari Rabu
12hb Januari, 1977

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2761]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Instituti Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian
Malaysia (Pindaan) [Ruangan 2766]

Rang Undang-undang Talikom (Pindaan) [Ruangan 2794]

Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan)
[Ruangan 2805]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Perak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, D.K.S.J., A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ JENERAL TAN SRI ABDUL HAMID BIN BIDIN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 12hb Januari, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

KEMENTERIAN BARU

1. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau bercadang menubuhkan suatu Kementerian baru untuk menyelaraskan Kementerian-kementerian, Kerajaan-kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan bagi menolong Bumiputra untuk mencapai matlamat 30% daripada ekonomi negara ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ada terdapat Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab samada secara langsung atau tidak langsung, untuk menolong Bumiputra dalam menyertai bidang perdagangan dan perindustrian, selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Di samping itu, penubuhan Badan-badan Berkanun di peringkat Persekutuan dan Negeri serta syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan adalah juga bertujuan untuk menjayakan pencapaian matlamat ini. Penyelarasan kegiatan-kegiatan kebanyakan daripada Badan-badan Berkanun dan syarikat-syarikat seperti ini adalah dijalankan oleh Kementerian Perusahaan Awam.

Jabatan Perdana Menteri adalah bertanggungjawab menyelaraskan semua Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan dan adalah difikirkan tidak perlu ditubuhkan satu Kementerian baru sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan beliau telah mengatakan bahawa tidak perlu ditubuhkan Kementerian baru. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan adakah Kerajaan berpuas hati atas sistem dan program yang ada sekarang dan Kerajaan menaruh keyakinan bahawa matlamat itu akan dicapai.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum rancangan ini telah diterangkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan adalah harapan Kerajaan bahawa matlamat itu akan tercapai.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Jabatan Perdana Menteri sedar bahawa rancangan 30% yang diberi kepada kaum bumiputra tidak begitu sesuai dan memuaskan jika kita pandang iaitu sekian kelas bumiputra sahaja mendapat pertolongan daripada Kerajaan, bukan semua bumiputra yang ingin mengambil bahagian dalam rancangan 30% ini telah mendapat peluang. Adakah rancangan yang akan datang dalam Rancangan Malaysia Ketiga supaya semua kaum bumiputra, bukan certain classes of bumiputra yang kaya akan mendapat bantuan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum juga Rancangan Malaysia Ketiga ialah satu rancangan daripada beberapa rancangan lagi yang akan diadakan dalam negara ini supaya matlamat boleh dicapai dalam apa yang dikatakan dalam rancangan (plan) itu sebagai prospektif jangka panjang dan rancangan ini mesti dijalankan peringkat demi peringkat dan jikalau ada program-program yang tidak sesuai pada masa sekarang ini bolehlah kita selesaikan rancangan itu apabila kita adakan kajian semula (review) berkenaan dengan rancangan itu.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya dengar apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Dasar Kerajaan di dalam tempoh 20 tahun janya berjalan, sekarang ini sudah hampir 7 tahun, ada 14 tahun lagi lebih kurang, saya hendak bertanya panjang sedikit supaya dapat saya mengemukakan maksudnya sebab kalau soalan pendek tidak dapat saya terangkan. Tuan Yang di-Pertua, di dalam tempoh 14 tahun kita hendak mengejar sekurang-kurangnya 30% iktisad ini bukan 100% atau 70% tetapi yang kita hendak cuma 30% mengikut Dasar Ekonomi Baru untuk bumiputra. Pada hari ini kalau bumiputra selain daripada perbadanan tidak sampai 2.5% sahaja. Bolehkah dalam masa yang tertentu iaitu 14 tahun lagi yang kita tujukan 30% ini dicapai.

Pertanyaan yang saya kemukakan ini adalah berlainan sedikit daripada pertanyaan Yang Berhormat rakan saya.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum matlamat itu ada. Rancangan akan diadakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan akan diadakan juga dalam rancangan-rancangan yang akan datang supaya progremprogram dan dasar-dasar ditentukan untuk pencapaian matlamat itu. Tetapi jikalau hendak mencapai matlamat itu bukan sahaja Kerajaan mesti mengadakan rancangan bahkan pihak swasta juga mesti memainkan peranan yang memuaskan sekali supaya mengadakan keyakinan dalam pencapaian matlamat ini. Jika sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini sendiri tidak ada keyakinan bahawa matlamat ini boleh dicapai, saya pun sedih sedikit oleh kerana jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ini tidak ada keyakinan, barangkali rakyat Malaysia pun tidak akan ada keyakinan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bukan Ahli Dewan Negara ini tidak ada keyakinan, yang saya tujukan di sini iaitu rancangan-rancangan yang Kerajaan-kerajaan buat pada hari ini melalui Perbadanan-perbadanan bolehkah satu masa iaitu 14 tahun yang akan datang difikirkan oleh Kementerian-kementerian atau Kerajaan di dalam tempoh itu rakyat biasa ada duit untuk membeli saham-saham yang ada di tangan perbadanan-perbadanan. Ini soalnya.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja tanggungjawab Kementerian Perusahaan Awam atau Kementerian yang lain semata-mata supaya bertanggungjawab semua rancangan yang akan diadakan, bahkan pihak swasta dan individu-individu mesti mengambil peluang dan mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan ini supaya matlamat yang disebutkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga boleh dicapai.

LETRIK KE KAMPUNG BARU PUCHONG

2. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan butir-butir rancangan untuk membekalkan letrik ke kampung-kampung dan kampung-kampung baru di Batu 14, Puchong, Selangor dan samada ini telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, dengan izin sukalah saya menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam untuk makluman Ahli Yang Berhormat projek "Bekalan letrik di kampung-kampung dan di kampung-kampung baru di Batu 14, Puchong" telahpun diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Kedua. Bagaimanapun, projek ini adalah sebuah projek Kerajaan Negeri Selangor.

Suka saya maklumkan bahawa projek ini tidak dapat dijalankan oleh sebab cadangan aliran 33 KV yang berkenaan telah menerima bantahan izinlalu daripada pihak Killinghall Tin. Pihak Pemungut Hasil Tanah, Petaling dan juga Lembaga Letrik Negara sedang berusaha untuk mengatasi masalah ini. Pada masa ini L.L.N. sedang menunggu pengesahan dari pihak Killinghall Tin di atas cadangan ganti kedua aliran talian 33 KV yang telah dikemukakan kepada mereka.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah untuk orang ramai (public). Jadi dengan sebab itu Kerajaan ada kuasa mengikut undang-undang untuk menjalankan rancangan ini. Killinghall Tin ini adalah dipunyai oleh swasta dan tidakkah Kerajaan boleh mengambil tanah-tanah ini, kemudian barulah diperbincangkan untuk pembayaran dan sebagainya.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, memang ada diperuntukkan dalam undang-undang seperti Land Acquisition Act iaitu mana-mana tanah kepunyaan swasta atau lain-lain pihak selain dari Kerajaan boleh diambil hakmiliknya untuk dijadikan mana-mana projek yang ada kepentingan dengan orang ramai. Berhubung dengan masalah Killinghall Tin saya difahamkan iaitu proses untuk menjalankan usaha-usaha seperti itu telah dan sedang dijalankan dan apabila selesai ianya akan memberi menafaat seperti yang diharapkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

HOSPITAL BESAR BARU DI KOTA BHARU

3. Datuk Dr Wee Khoon Hock minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa memandangkan pelan untuk membina Hospital Besar di Kubang Kerian, Kota Bharu disediakan oleh Jabatan Kerjaraya dalam bulan Mei tahun ini, bilakah hospital ini dapat di-selesaikan dan berkhidmat kepada rakyat Kelantan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, pelan tataatur (lay-out plan) untuk Hospital Besar Baru di Kubang Kerian, Kota Bharu telah disediakan pada bulan April, 1973. Kerja-kerja tapak dan piling telahpun siap. Pelawaan tawaran untuk pembinaan bangunan hospital akan diadakan sedikit hari lagi. Projek ini dijangka akan siap pada akhir tahun 1980.

JAMBATAN MENGHUBUNGI PULAU PINANG

4. Tuan T. S. Gabriel bertanya kepada Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam apakah kemajuan yang terakhir berhubung dengan rancangan yang telah dijalankan setakat sekarang untuk mendirikan sebuah jambatan yang menghubungkan Pulau Pinang dengan tanah besar.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, saya sukalah menjawab soalan Ahli Yang Berhormat seperti berikut. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah melantik sebuah firma untuk membuat rekabentuk dan penyelidikan projek ini. Pada

masa sekarang rekabentuk kejuruteraan termasuk kerja-kerja lain seperti ukuran, penyiasatan "geotechnical dan hydraulic" sedang dijalankan dan peringkat ini dijadualkan siap menjelang akhir tahun 1978.

Peringkat pembinaan jambatan ini akan dijalankan selepas daripada penyediaan kerja-kerja yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sekarang ada di hadapan Majlis 16 Rang Undang-undang yang perlu diluluskan dalam masa 3 hari persidangan yang ada lagi. Dengan demikian saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian semasa membuat ucapan cuba bercakap ringkas-ringkasnya dan juga dalam komen-komen di atas Rang Undang-undang membuat komen-komen yang berkaitan dengan undang-undang yang dibincangkan sahaja.

Saya tidak mahu menghadkan masa bagi tiap-tiap Ahli Yang Berhormat hendak berucap kecuali dianggapkan perlu sahaja. Saya harap kita akan dapat menyelesaikan semua urusan-urusan mesyuarat pada pukul 6.30 petang hari Jumaat, 14hb Januari dengan tidak payah bersidang hingga larut malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (11hb Januari, 1977).

2.48 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada saya memasuki dalam perbahasan ini, saya salah seorang daripada yang menerima nasihat daripada Yang di-Pertua dan dengan ini saya cuba dengan seberapa yang boleh—di mana Kementerian: yang saya fikir mustahak saya hendak bercakap panjang saya kena bercakap panjang, di antaranya Kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba hendak memberi komen-komen yang ada kaitan dengan Rang Undang-undang ini berhubung dengan pindaan-pindaan yang berkenaan. Ada satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana semalam Timbalan Menteri yang berkenaan telah mengatakan bahawa di antara tujuan dan maksud pindaan ini iaitu supaya diadakan penyelidikan ternakan dan ikan air tawar dan keahlian Lembaga Peladang yang termasuk perancangan ekonomi. Saya semalam telah menyebut satu perkara dalam penyelidikan padi bahawa usaha ini dipuji oleh penanam padi kita, pihak MARDI telah bertungkus-lumus mengusahakan tetapi kehasilan telah dapat membekalkan kepada petani kita dengan mengeluarkan beras, yang dimasak itu nasinya keras. Keadaan ini saya fikir patut dikaji balik. Kalau boleh apa salahnya tanaman padi macam beras yang dimasak daripada beras siam. Beras siam kalau dimasak pagi, petang nasinya lembut, tetapi beras yang diselidik oleh MARDI itu selepas masak satu jam dia keras. Ini satu perkara yang merunsingkan petani. Yang kedua, dalam masalah padi ini MARDI belum dapat menyelesaikan beberapa perkara yang merugikan petani kita dan merugikan negara. Di antaranya, kalau musim-musim menuai dikira tiap-tiap tahun lebih daripada hampir 20% padi-padi itu rosak dengan sebab tak dapat dituaikan kerana tenaga yang ada sekarang tidak sesuai dengan keadaan perkembangan penanaman padi yang begitu pesat. Jadi, usaha yang hendak menyelamatkan padi kita musnah daripada tidak dapat dituai itu, saya fikir MARDI juga patut mengadakan penyelidikan dan memberikan pengesyoran supaya harta itu dapat diselamatkan oleh petani-petani kita dan menguntungkan negara.

Yang kedua, berkaitan dengan masalah padi ini juga iaitu MARDI hendaklah selidik dan siasat bahawa penyimpanan padi yang dibuat oleh petani-petani kurang memuaskan kadangkala belum sempat lagi mereka menyampaikan padi-padi itu kepada kilang, padi itu telah rosak sebab hasil penyelidikan yang dibuat oleh MARDI hasil padi daripada petani-petani kita bertambah, tempat simpanan ikut cara lama. Keadaan ini patut difikirkan kalau benar-benar padi yang ditanam oleh petani-petani kita itu dapat menguntungkan dia dan juga dapat menguntungkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak bangkitkan dalam masalah penyelidikan ikan air tawar, penyelidikan ternakan yang saya katakan dahulu, ternakan ini memang kita puji bagi pihak MARDI telah membuat satu penyelidikan, satu kajian berhubung dengan lembu, kerbau, kambing, ayam dan baka-baka daripada penyelidikan ini diberikan kepada peladang-peladang kita. Untuk tujuan hendak menambahkan daging dalam negeri kita saya fikir satu jenis unggas yang patut diselidiki oleh MARDI iaitu denak, ayam hutan. Walaupun ayam hutan ini masuk dalam mergastua tetapi sekarang ini bila hutan sudah ditebang unggas ini telah lari ke kampung-kampung yang berhampiran. Dia telah masuk ke ladang-ladang kelapa sawit. Oleh itu, saya fikir dibuatkan satu kajian supaya denak ini dapat dibiakkan dalam kawasan-kawasan kelapa sawit yang terutamanya sekali dalam rancangan FELDA, dalam rancangan FELCRA dan juga mana-mana rancangan kelapa sawit ladang-ladang yang besar dalam negeri ini. Dan dengan adanya dibiakkan unggas atau ayam denak ini akan dapat menambahkan penghasilan daging dan dapat juga memberikan menafaat kepada peladang-peladang kita. Ayam denak ini sejenis ayam yang sama cepat biaknya dengan ayam-ayam biasa tetapi dagingnya adalah lebih baik, lebih disukai daripada daging ayam yang biasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ikan air tawar, saya juga berterima kasih bagi pihak Kerajaan Negeri Johor bahawa satu pusat penyelidikan ikan air tawar dan udang telah dibuat dalam Negeri Johor. Tetapi saya hendak tanya Kementerian ini setakat mana kemajuan penyelidikan udang itu telah dapat digunakan oleh peladang-peladang kita dan sampai sekarang peladang-peladang kita telah menunggu rancangan membiakkan udang ini supaya dapat mereka terima. Yang kedua, dalam masalah Kerajaan memberikan galakan membuat kolam-kolam di luar-luar bandar patut diperhatikan dengan benar, dengan betul dan boleh diberikan ulasan-ulasan oleh jabatan-jabatan yang berkenaan seperti Jabatan Parit dan Taliair supaya tidak merugikan peladang kita dan tidak merugikan Kerajaan. Saya diberitahu baru-baru ini ada satu kawasan Kemlah di rancangan FELDA pihak yang berkenaan telah membuat satu syarikat menternak ikan air tawar, digali dengan jentera tetapi malangnya bila

musim bah yang baru ini kolam itu roboh-tenggelam, karam. Jadi, habislah ikan itu mengalir. Keadaan ini patut disiasat supaya tidak menghampakan peladang kita dan tidak merugikan negara kita.

Dalam masaalah ikan air tawar ini juga, banyak orang berkata kenapa ikan jelawat tidak boleh disimpan, tidak boleh dibawa ke tempat dia. Masaalah ikan ini saya fikir oleh sebab saya ini orang yang datang dari kampung tahu akan keadaan ikan sungai, ikan darat; ikan sungai ini bukan semua ikan boleh diternak pada kawasan-kawasan itu, ia menurut iklim kawasan itu, kalau danau, paya tidak sesuai, yang sesuai ikan haruan, ikan betuk. Ikan jelawat ini satu ikan yang paling tinggi mutunya, dia berkehendakkan satu kawasan air sungai yang laju, ada pasir dan jernih serta dalam, terutama sekali kalau ada tempat kawasan jeram-jeram, sebab ikan ini kalau kita hendak menghempaskan telurnya mesti dia hendak lari ke hulu-hulu sungai, ke hulu-hulu jeram. Jadi keadaan ini memang sesuai, ikan jelawat ini hidupnya di Negeri Pahang. Satu keistimewaan Negeri Pahang. Dengan keadaan seperti ini, kalau MARDI tidak boleh selidik ikan jelawat ini boleh dipindahkan ke Melaka, ke mana-mana, tolong jaga dan kawal di Pahang itu dan satu rang undang-undang patut dibuat. Masaalah ikan, masaalah sungai adalah kuatkuasa Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat tidak boleh buat apa-apa, Kementerian Pertanian tidak boleh buat apa-apa, kuasa Kerajaan Negeri. Sekarang ada satu Rang Undang-undang dengan tujuannya melindungi ikan-ikan yang penting dalam negeri kita umpamanya ikan jelawat tadi. Jadi, kita kuatkuasakan Rang Undang-undang itu umpamanya ikan jelawat atau ikan yang penting supaya tidak dimusnahkan oleh peladang-peladang kita dan orang ramai supaya ikan ini hidup biak, sekarang ikan jelawat hampir pupus oleh sebab harganya mahal, rasanya pun baik, hampir pupus ikan itu. Kalau tidak dikawal saya khawatir, ia akan hilang.

Jadi cara hendak mengawalinya begini menurut hemat saya yang cetek ini, adakan satu rang undang-undang melindungi ikan-ikan yang penting termasuk ikan jelawat ini tidak boleh diambil ikan yang bertelur dalam masa 3 tahun atau 4 tahun ikan jelawat yang bertelur pada masa itu diharamkan, tidak boleh diambil, dilepaskan

supaya dapat dibiakkan. Sekarang ini emaknya diambil, anaknya diambil, ayahnya diambil, macam mana dia hendak hidup. Jadi kalau ada pengawalan yang seperti ini, saya fikir ikan yang penting ini dapat kita biakkan dalam negara kita.

Satu perkara lagi, saya fikir patut sangat difikirkan oleh Perancangan Ekonomi ini berhubung dengan baja. Kita telah dapat benih-benih yang baik, kita ada Pusat Penyelidikan yang baik dalam negeri tetapi MARDI ini menurut hemat saya kurang mengambil daya-usaha mendapatkan baja pengeluaran dalam negeri ini. Kalau tidak ada baja ini, saya ingat tumbuh-tumbuhan dalam tanahair kita tidak dapat menghasilkan dengan begitu baik. Ada baja daripada luar negeri, baja yang dibekalkan daripada Guthrie, C.C.M. dan I.C.I. Baja ini, Tuan Yang di-Pertua, menurut yang dikhabarkan kepada saya, modal buat baja ini banyak dibelanjakan oleh Yahudi. Kalau MARDI ini membuat satu penyelidikan bahawa baja ini patut dibuat dalam negeri kita daripada bahan-bahan dalam negeri ini, bahan dalam negeri ini banyak, kaya kita ada bahan-bahan yang boleh dibuat baja, ada ikan busuk, akan datang ada pula kilang penapis minyak semua ada kaitan dengan bahan-bahan hendak memproses baja. Dengan keadaan macam itu, satu masa yang akan datang MARDI boleh meluaskan perusahaannya dengan cara bersyarikat, mengadakan satu syarikat perkilangan mengeluarkan baja yang dikeluarkan oleh MARDI.

Saya hendak contohkan bahawa kita telah kena sabotaj dalam masaalah baja. Baru-baru ini Lembaga Tembakau Negara telah dapat baja daripada Guthrie, daripada badan-badan yang saya sebutkan tadi untuk dibekalkan kepada penanam tembakau di seluruh tanahair kita. Penanam tembakau ini dapat baja itu dengan senang hati untuk ditaburkan kepada tembakau-tembakau. Tetapi malangnya baja yang diberikan oleh ejensi-ejensi ini tidak menepati dengan kehendak tembakau itu. Bila tembakau itu sudah subur, tembakau itu sudah dipetik hendak dihantar kepada tempat pengawit, sudah hangus dan pembeli tidak mahu beli, dia kata tidak ada kelas. Dengan keadaan ini, maka rugilah penanam-penanam tembakau kita yang saya kira 98% bumi-putra rugilah dia, selain daripada rugi dia telah meminjam pula duit daripada Bank Pertanian dengan sebab telah disabotaj oleh baja-baja. Mereka ini saya katakan

disabotaj bahawa kemajuan tembakau ini sangat baik, mutu daun tembakau ini kalau dijaga cukup baik, dengan baja yang dikawal baik sama dengan mutu-mutu tembakau yang didatangkan daripada luar negeri, tetapi orang luar negeri itu kurang senang hati kalau negeri ini banyak menggunakan tembakau, tembakau dalam negerinya tidak boleh diekspot dalam negeri ini.

Jadi dengan keadaan itu, dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan memberi peruntukan yang begitu besar kepada Kementerian ini dengan tidak ada baja yang boleh terjamin diterima oleh peladang kita, diterima oleh ajensi-ajensi kita, pokok yang kita tanam tidak berbuah, apa akan jadi, ia akan mengecewakan kita. Saya harap MARDI juga pada satu masa yang akan datang dapat mengadakan baja pengeluarannya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit lagi mengenai tembakau ini. Dahulu Kementerian Pertanian ini cuai. Cuai dalam menjaga usaha-usaha yang dibuat oleh peladang dalam negeri ini. Mereka tidak mahu membuat satu penyelidikan dan kajian tanaman yang dibuat oleh petani-petani kita. Mereka tanam tembakau dengan tidak ada nasihat, dengan tidak ada selidik mereka tanam, sampai separuh jalan-rugi. Saya hendak bertanya Pusat Penyelidikan Tembakau yang diluluskan oleh Kerajaan itu sudah berjalankah atau belum. Kenapa keadaan macam ini sampai saat yang rakyat sudah rugi, baharu hendak dilaksanakan. Saya harap apa juga tanaman yang hendak dibuat dalam negeri ini hendaklah diselidiki lebih dahulu, lepas itu baharu diarahkan kepada rakyat membuat usaha ini dengan cara besar-besaran.

Saya fikir setakat itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, komen-komen yang dapat saya berikan dalam Kementerian ini, mudah-mudahan menjadi perhatian.

3.02 ptg

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian dalam membincangkan Bil yang sedang kita bahaskan ini dan sukalah saya menyatakan sokongan saya dengan sepenuhnya atas Rang Undang-undang ini dan saya suka mengambil kesempatan membahaskan Rang Undang-undang ini serta memberikan pandangan-pandangan yang ada hubungannya dengan Bil ini.

Sebagaimana kita sama-sama maklum bahawa Bil ini adalah kena-mengena dengan MARDI. Saya suka menimbulkan suatu masaalah yang pertama sekali berkenaan dengan usaha dan kajian yang patut dilaksanakan oleh MARDI ini. Kita dapati bahawa Ahli-ahli yang telah lepas menyatakan bahawa penyelidikan-penyelidikan perlu dibuat dan mungkin diantaranya telahpun dilaksanakan dengan membuat kajian supaya tanaman-tanaman itu dapat mengeluarkan hasil yang lebih baik. Saya suka menarik perhatian supaya kajian-kajian seperti itu bukan sahaja terhenti kepada mengeluarkan hasil tanaman yang lebih baik tetapi juga usaha perlu dilakukan supaya jenis-jenis tanaman kita dapat disingkatkan masa ataupun tempoh pengeluaran hasilnya. Saya suka memberikan tahniah kepada pihak MARDI yang telah berusaha untuk mempersingkatkan tempoh pengeluaran hasil padi. Pada masa dahulu kita pernah mengetahui bahawa padi dapat mengeluarkan hasil dalam tempoh enam ataupun tujuh bulan, tetapi sekarang ini alhamdulillah, dengan jasa MARDI telah dapat mencipta jenis-jenis padi yang masanya singkat tetapi tidak kurang daripada 90 hari.

Saya suka menyarankan supaya usaha itu diteruskan lagi supaya kita dapat mencipta jenis-jenis padi yang singkat daripada masa yang telah ada sekarang ini. Sebagaimana kita dapati bahawa jenis-jenis padi di Taiwan dan sebagainya dapat ditanam tiga kali setahun, bukan lagi double cropping, bukan lagi dua kali setahun seperti yang ada sekarang ini. Kita harap dengan usaha MARDI dan dengan kemajuan sains dan teknologi sekarang, kita akan dapat mencipta baka padi bukan sahaja jenis buah padi dan berasnya mutu yang baik tetapi juga singkat masanya. Saya memandang berat masaalah ini, kerana dalam Malaysia kita sekarang ini terutama di Pantai Timur, kita selalu menghadapi ancaman banjir yang mana bagi setengah-setengah tempat kalau padi dalam satu musim itu terlewat sedikit sahaja ditanam maka akan terlewat penuaiannya yang menyebabkan ia terlibat dalam musim tengkujuh dan akibatnya buah padi yang sedang masak menguning itu hancur ditenggelami oleh air. Begitu juga oleh kerana hendak menjaga masa yang begitu sempit kerana umur padi itu sudah begitu keadaannya, tidak dapat disingkatkan lebih lagi, maka menyebabkan permulaan tanaman yang kedua atau pun diluar musim terpaksa

dilakukan dalam bulan yang ditentukan yang boleh melibatkan keadaan musim banjir ataupun akhir banjir yang mana tanaman padi yang baharu ditanam itu terlibat hancur. Jadi dengan keadaan kejadian alam, dengan keadaan perubahan infra-structur pembekalan air dan sebagainya, bendang-bendang taliair yang terlibat, menyebabkan outlet pengeluaran air untuk mengeringkan bendang-bendang ini dengan secepat mungkin tidak dapat, akibatnya petani-petani kita terlibat dengan kehancuran hasil tanaman mereka. Saya fikir kalaulah MARDI dapat membuat satu kajian bagi memastikan menerbitkan jenis-jenis padi yang dikatakan masa 70 hari, maka dapatlah kita membuat rancangan tanaman tiga kali setahun bagi kawasan yang tidak terlibat dengan banjir dan bagi kawasan yang terlibat dengan banjir, kita kosongkan dalam masa tiga bulan tempoh banjir itu dengan bendang yang kosong ataupun kita sesuaikan dengan rancangan tanaman lain manakala keluar musim banjir yang baki lagi 8 bulan umpamanya, dapat kita teruskan dengan rancangan-rancangan padi dua kali setahun. Jadi tidaklah kita terlibat dengan kehancuran padi dan selain daripada kita menolong petani-petani di luar bandar ataupun khususnya di kawasan yang kena mengena dengan banjir tadi, kita dapat juga mengeluarkan hasil padi kita dan dapat mengurangkan impot beras daripada luar negeri dan kita dapat menyelamatkan pertukaran wang kita daripada mengalir keluar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah memendekkan masa ataupun umur pengeluaran hasil tanaman-tanaman kita di Malaysia ini, saya juga suka mencadangkan supaya pihak MARDI dapat membuat satu kajian yang teliti bukan sahaja padi tetapi juga kepada pokok-pokok kekal seperti kelapa yang mana kita dapati sekarang ini kelapa telah dapat mengeluarkan hasil dalam tempoh empat tahun.

Saya rasa perkara-perkara seperti ini perlu dilipat gandakan supaya tanaman kelapa ini dapat kita perbanyakkan, dan dapat mengeluarkan hasil dalam masa yang singkat. Dan satu masalah yang perlu saya sebutkan di sini ialah kelapa ini perlu juga dibuat kajian bahawa kalau jauh daripada rumah ataupun perkampungan, biasanya kelapa ini tinggal pokok sahaja tidak berbuah. Kalau kita selalu berjalan daripada Kuantan ke Trengganu, kita akan dapati tanah-tanah yang kosong pada mulanya tanaman kelapa

yang luas tetapi tidak ada hasil menyebabkan pengusaha-pengusaha tanaman kelapa ini tidak membiayai kebun-kebun mereka dan ini adalah merugikan negara kita. Jadi, saya rasa pihak MARDI tidak ada apa halangan kalau mereka menjalankan kajian bagaimana tanaman kelapa ini dapat ditanam di persisiran pantai kita di Pantai Timur umpamanya supaya dapat kita mengeluarkan hasil. Saya kira dari segi kemajuan sains dan teknologi kita ini tidak kurang kita dapat mencipta baja-baja yang sesuai dengan pokok dan tanah yang ada seperti yang kita alami di Pantai Timur itu. Jadi, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah seperti inilah yang perlu dibuat kajian oleh MARDI untuk memperbaiki ekonomi petani-petani kita di luar bandar, khususnya pekebun-pekebun kecil yang nasib mereka amat malang sekali pada hari ini, dan di samping itu dapat menaikkan ekonomi negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya menyokong Bil ini sekali lagi dengan sepenuh hati.

3.12 p/g.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bil yang dihadapan kita iaitu Rang Undang-undang Instituit Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan), 1969.

Bil yang ada di hadapan kita ini masalahnya adalah tidak banyak iaitu hendak streamline keanggotaan lembaga ini iaitu mengganti Pengarah kepada Ketua Pengarah. Pada dasarnya adalah cukup luas sebab MARDI ini ditubuhkan saya percaya tujuannya untuk memberi pertolongan pertama sekali kepada petani-petani dan nelayan-nelayan dan penduduk-penduduk di luar bandar yang telah mengeluarkan hasil buah-buahan dan juga hasil-hasil daripada perusahaan mereka.

Tujuan MARDI yang besarnya ialah menyelidik barang-barang keluaran hasil daripada luar bandar terutama sekali di kampung-kampung yang mengeluarkan buah-buahan, perikanan, padi dan lain-lainnya. Apa yang dikehendaki oleh MARDI ini ialah supaya diselidik tiap-tiap perkara yang dikeluarkan daripada luar bandar ini seperti buah-buahan diproses menjadi satu makanan yang boleh kekal lama sebab buah-buahan yang datang daripada luar bandar negara kita ini ada musim, seperti musim durian,

manggis dan sebagainya. Pendapatan ini adalah tidak sama mengikut seasonal. Kita telah mendengar apabila MARDI telah dirancang dahulu tujuan besarnya ialah kerana membuat penyelidikan berkenaan dengan buah-buahan ini yang dapat kita perolehi daripada kampung-kampung supaya buah-buahan ini harganya akan naik dan juga buah-buahan ini dapat diproses menjadi satu makanan yang terkenal bukan dalam negeri kita, tetapi jikalau kita tinkan dapat kita eksport ke luar negeri.

Saya mengikut perbahasan di dalam Dewan ini yang telah dicakapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator-senator iaitu berkenaan dengan beberapa cadangan dan beberapa projek yang telah gagal kerana menjalankan proses ini. Misalnya buah papaya yang digemari oleh semua bukan sahaja di sini tetapi juga di negeri-negeri di seluruh dunia, jadi adakah MARDI memproses papaya ini dengan bijinya? Sebab biji papaya ini, adalah elok untuk dibuat ubat. Biji papaya ini hendaklah dikunyah dengan mulut dan ditelan, rasanya pedas seperti juga kita kunyah lada hitam. Ia menjadi ubat perut dan dalam masa setengah jam kita boleh buang air besar dengan senangnya. Jadi, biji papaya ini hendaklah diselidik supaya tidak terbuang begitu sahaja dan hendaklah diproses dan dijadikan ubat seperti tepung untuk dijual. Begitu juga dengan buah tembikai, tetapi buah tembikai, Tuan Yang di-Fertua, bijinya tidak terbuang sebab ia dijadikan kuaci yang kita dapat sekarang ini di merata-rata pasaran dan juga terdapat di mana-mana parti untuk dijadikan makanan. Kuaci ini sudah termasyur di dalam negeri ini bahkan banyak diekspot di luar negeri.

Berkenaan dengan rambutan, ada seorang Ahli Yang Berhormat yang telah mengatakan tidak ada diproses. Saya kata ada diproses dimasukkan di dalam tin, di kulit luar tin itu terdapat gambar yang cukup cantik dan indah sebab rambutan ini warnanya merah seperti dikeluarkan di dalam kalendar yang kita baru dapati baru-baru ini yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia, memproses buah rambutan ini telah dicuba, oleh Sugar Perai, sebab Sugar Perai mengeluarkan gula dan gula merah itu dijadikan syrup, sebagaimana kita dapati pada hari ini dinamakan "Rambutan in Syrup". Jadi, oleh sebab perkara ini tidak dapat dijalankan dan dijadikan pasaran besar kerana rambutan

adalah seasonal, rambutan ini tidak cukup untuk memenuhi keperluan atau kemahuan serta demand daripada public. Jadi di sinilah sepatutnya MARDI ini mestilah bekerjasama dengan FAMA, FAMA kita telah beri kuasa dan kita telah luluskan Akta FAMA (Pindaan) iaitu untuk memberi kuasa supaya FAMA dapat beserta dengan syarikat-syarikat untuk tujuan yang ada sama. Pasaran adalah mustahak. Sungguhpun MARDI bertanggungjawab menyelidik perkara-perkara ini samada untung atau tidak untung ia bertanggungjawab juga memajukan pertanian (agricultural development). Jikalau MARDI membuat research dan tidak dimajukan kepada FAMA untuk mendapatkan marketing maka research ini tidak akan berjalan. FAMA dengan MARDI mesti dia bekerjasama rapat. Misalnya, jikalau ada pasaran atau pertunjukan petani di daerah-daerah kita boleh tengok di tempat itu bagaimana jam dibuat daripada manggis. Orang kampung telah tahu membuat jam daripada manggis. Mengapa tidak diusahakan dengan bersungguh-sungguh supaya MARDI mengambil perkara ini untuk diproses dan digalakkan menjadi satu perusahan mengeluarkan jam manggis atau ciku. Kita tidak buat kerana pasaran. Rambutan bukan tidak boleh diproses ataupun ditin tetapi oleh sebab tidak ada rambutan—rambutan ini satu jenis buah-buahan yang seasonal, dalam tempoh tiga bulan sudah habis. Jikalau ada pasaran iaitu ada agensi Kerajaan di mana orang-orang kampung boleh menjual rambutan misalnya factory, ini boleh membanyakkkan keluaran rambutan. Begitulah juga berkenaan dengan manggis dan ciku untuk dibuat jam.

Pada masa sekarang ini orang di seluruh dunia takut makan minyak kelapa. Di negeri Arab tidak ada jual minyak kelapa sekarang ini. Orang-orang di India pun takut makan minyak kelapa begitu juga di merata-rata tempat lain. Mereka cuma makan corn oil. Corn oil ini kita tahu—mungkin Datuk Dr Sinnadurai pun percaya dan dia pun makan corn oil. Corn oil adalah untuk menahan daripada berlakunya penyakit jantung. Di Malaysia ini jagung dijual di mana—di tepi jalan. Mengapa? bukan jagung tidak boleh ditanam antara satu musim padi ke satu musim padi. Di antara period itu boleh tanam jagung. Tetapi apakah nama jagung yang patut ditanam untuk menghasilkan corn oil. MARDI mesti siasat sebab ini mendatangkan hasil yang banyak. Jagung yang didapati

di Malaysia sekarang ialah “jagung turus” iaitu jagung panjang. Tetapi di negeri Thailand yang saya tahu jagungnya pendek. Ini diekspot ke Jepun. Di Jepun sekarang jumlah penduduknya bermillion-million tidak boleh diberi makanan beras ataupun padi di negeri itu, terpaksa disulam dengan jagung. Jagung ini di mana pun mesti ada. Di Thailand telah membuat rancangan ini. Semua tanah-tanah buat rancangan semula, pokok getah dipotong setinggi tiga kaki, tunggul (stump) getah itu dibakar dan ditanam jagung. Dengan cara ini dia dapat pasaran luar negeri. Jagung di Malaysia ini boleh dibuat begitu dengan syarat biarlah MARDI menyiasat hal ini dahulu baru saya boleh jawab. Kalau negeri lain atau jiran kita telah buat mengapa kita tidak boleh. Ini adalah satu keuntungan yang besar, suatu hasil yang boleh menolong orang-orang di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kata orang Perak saya telah “lanjuri” bercakap berkenaan dengan ikan lautan dalam beberapa hari yang lalu, tetapi hari ini oleh sebab Bil ini berkaitan dengan ikan air tawar, saya terpaksa balik bercakap berkenaan dengan ikan air tawar.

Saya terkejut apabila Yang Berhormat Datuk Abdul Aziz Tapa menyatakan ikan belut diracun. Ini adalah sangat-sangat rugi jika ditaksir harga ikan belut pada hari ini. Ikan belut orang Jepun gemar makan dalam musim sejuk (winter) sebab ikan belut boleh menahan sejuk. Ikan belut ini juga, jikalau salah, tolong betulkan, adalah bagus untuk orang yang sakit asthmatic iaitu sejuk dada dan juga ikan belut ini ada mengandungi hormone. Orang-orang tua macam saya ini bagus makan ikan belut. Pengusaha ikan belut ini bukan tidak ada di dalam negara ini. Perusahaan ini ada di Ipoh, di Pulau Pinang dan di beberapa tempat lain. Ikan ini diekspot ke negeri Jepun dan juga ke Holland di mana penduduk-penduduknya makan ikan belut dengan banyak. Tetapi anak-anak ikan belut tidak ada. Experimental Station untuk membiakkan anak-anak ikan belut tidak ada dan terpaksa didatangkan daripada Indonesia, dan juga Taiwan. Ini negeri-negeri yang dekat sekali. Jikalau MARDI sudah ada banyak pusat penyelidikan dapatlah dibiakkan ikan ini. Orang yang akan membeli ada sebab sudah banyak pekebun kecil iaitu orang yang menjadi pekebun sementara mendapatkan hasil sayur-sayurannya ada membuat kolam untuk peliharaan ikan-ikan belut ini.

Satu lagi ikan yang tidak ada orang sentuh ialah ikan siakap. Saya juga rasa tidak berapa gemar ikan pahang sebab banyak tulang. Ada sejenis ikan yang saya tengok di Government Experimental Station, Songkhla di Selatan Thailand dekat sempadan kita yang dinamakan ikan “siakap”. Ikan ini dibela di daratan tetapi apabila sudah besar dia kena dibela dekat laut yang airnya boleh pasang dan surut. Ikan ini apabila besar makanannya ikan juga iaitu anak-anak ikan. Ikan ini tajam giginya, jikalau orang masuk ke tempatnya, dimakannya orang itu. Ikan ini asalnya datang daripada Kedah. Tetapi sekarang tidak datang daripada Kedah sebab ada MUDA Scheme. MUDA Scheme adalah satu scheme yang teratur maka ikan-ikan banyak yang lari. Yang dapatnya ialah di kuala-kuala sungai sahaja.

Berbalik kepada experimental station, kalau ada, ikan-ikan ini harganya adalah mahal. Satu kati, saya ingat di pasaran ialah \$12 atau \$15 itu mengikut besarnya.

Di Songkla ada dibuat penyelidikan bagaimana hendak mengeluarkan udang air tawar, dipelihara dengan cara menggunakan air tawar. Di sini kalau sekiranya pegawai-pegawai daripada MARDI belum lagi pergi ke tempat itu, patutlah pergi supaya dapat menengok bagaimana mereka experimentkan ikan-ikan yang boleh digunakan di dalam negara kita. Bukan kita tidak boleh mengeluarkan ikan ini, kita boleh buat, tetapi oleh sebab bila habis sahaja maka tidak ada follow-up untuk hendak memproses—hendak membiakkan lagi perusahaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja comment saya di atas Bill ini. Sebelum saya duduk, sekali lagi saya tegaskan dan menggesa supaya MARDI dan FAMA mestilah berjalan sama, sebab MARDI membuat penyelidikan (research) dan memajukannya. Tidaklah bermakna MARDI mesti jalankan dengan tidak ada kuasa hendak membuka kilang tetapi boleh dimajukan. Dan juga risalah-risalah berkenaan dengan maklumat penyelidikannya hendaklah diumumkan kepada orang ramai. Kalau tidak research ini diumumkan kepada rakyat jelata terutama sekali rakyat di luar bandar, maka tidak dapatlah mereka memajukan perusahaan-perusahaan yang sekarang telah dijalankan oleh MARDI di bawah tanggungjawab Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bill ini.

3.38 *ptg.*

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong Rang Undang-undang ini.

Saya suka menyentuh satu perkara sahaja, jika diizinkan, berkenaan dengan dua jenis hasil kebun dinegeri Kelantan untuk dikaji dan diambil perhatian oleh pihak MARDI dari segi penambahan pendapatan rakyat Kelantan. Banyak pelancang-pelancang wanita yang melawat Kelantan, apabila mereka menamatkan lawatannya, selalunya membeli banyak buah timun Kelantan untuk dibawa kembali ke negeri masing-masing untuk suami atau keluarganya, sebab timun Kelantan walaupun kecil sedikit tetapi diminati oleh kebanyakan suri rumahtangga, sebab buah ini garing atau rangup (*crispy*) apabila dimakan dan manis rasanya jika dibandingkan dengan timun yang didapati di Kuala Lumpur yang sungguhpun besar tetapi tawar dan kadangkala pahit sedikit dan tidak begitu *crispy*. Timun Kelantan ini amat sesuai dalam buatan acar atau pickle, rojak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, timun ini adalah satu sayur yang amat penting, popular dan murah. Rakyat desa serta di bandar di Pantai Timur memakan timun ini dengan budu campur lada, ulam, air asam dan juga kadangkala durian, kalau perlu dan lain-lainnya. Tidak bolehkah pihak MARDI experimentkan buah timun Kelantan dengan timun jenis lain yang besar supaya mendapat jenis baharu yang lebih besar dengan tidak menghilangkan mutunya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara berkenaan dengan durian. Durian ada berjenis-jenis, tetapi ada satu jenis durian dari Pasir Tumbuh, Kelantan bernama kepala gajah. Durian jenis ini adalah salah satu jenis yang paling baik yang tidak mudah didapati meski pun di Kelantan sendiri. Dalam sebiji cuma ada satu hingga tiga ulas isinya sahaja terkandung dalam sebiji buah durian jenis ini, isinya berwarna kuning emas (*golden yellow*), rasanya manis rupanya licin dan halus. Apabila dimakan tidak lekit-lekit seperti jenis lain. Bau isinya adalah sederhana dan akan memuaskan hati segala peminatnya. Buah jenis ini amat disukai ramai khususnya peminat-peminat dari Singapura dan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, timun dan durian yang saya katakan tadi ada kemungkinan

besar untuk melebihi lagi hasil pendapatan rakyat desa dan menambahkan hasil Kerajaan Negeri. Haruslah pihak MARDI experimentkan timun dan durian ini supaya meninggikan lagi tarafnya dan membesarkan lagi keluarannya untuk consumption dalam atau di luar negara kita.

3.42 *ptg.*

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang bagi meminda Akta Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian ini. Di samping itu kita berharap supaya penyusunan keanggotaan Lembaga dan Majlis Sains ini akan memainkan peranan yang penting oleh MARDI sebagaimana perubahan-perubahan yang terdapat kepada keanggotaannya ini. Dan kita berharap dengan perlantikan yang akan dibuat nanti adalah betul-betul orang yang memainkan peranan untuk kepentingan dan kemajuan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam penyelidikan pertanian ini, saya suka menarik perhatian Kementerian Pertanian berkenaan dengan kedudukan tanah yang tidak dapat ditanam padi yang dipanggil tanah-tanah masam. Tanah-tanah masam ini terdapat di Negeri Perlis, beratus-ratus relong yang tidak dapat ditanam dan bila ditanam, padinya mati. Adalah diharapkan supaya penyelidikan ini dapat dibuat untuk mengatasi tanah-tanah ini supaya tidak merugikan petani-petani ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan perusahaan pertanian yang dibuat di negeri Kedah terutama mengenai tanaman limau atau mangga. Di dalam masaalah tanaman ini, penyelidikan belum dibuat atas kerosakan pokok-pokok ini yang singkat masanya serta tidak begitu memuaskan pendapatan perolehan daripada pokok-pokok ini. Pokok-pokok ini mudah mati begitu sahaja. Manakala cukup setahun berbuah, maka pokok itu akan kena penyakit ulat yang terjadi di dalam pokok-pokok itu, kepada dahan dan seterusnya kepada batang-batang pokok.

Begitu juga berkenaan dengan pokok limau. Tanaman pokok limau juga digalakkan oleh pihak Kementerian Pertanian untuk menanamnya tetapi dalam menyiasat kejadian-kejadian pokok limau ini pun begitu juga, sekali gus sahaja pokok limau ini berbuah dan dapat perolehannya tetapi

selepas itu pokok ini akan mati dan luruh segala daunnya kerana terkena satu jenis penyakit ulat pada pokok itu. Ia pun mati begitu sahaja.

Kita harap pihak Kementerian ini akan dapat mencari jalan menyasat atas perkara-perkara yang saya sebutkan tadi supaya perkara ini dapat diatasi sebab kita tahu pokok-pokok dan buah-buahan ini banyak terdapat di negeri jiran kita, iaitu di Thailand. Kita tentu percaya dan tahu bahawa pengusaha-pengusaha pertanian di negeri jiran kita ini banyak yang menanam pokok-pokok ini, dengan sebab itulah buah-buahan ini selalu dimasukkan ke negara kita dengan begitu banyak sekali dan tidak berhenti-henti. Dengan kerana itu tentulah cara penanaman dan cara benda-benda itu diatasi terdapat daripada negara kita yang berjiran ini tidak begitu jauh yang dapat pihak pertanian ini menghantar orang-orang kita dalam bahagian ini untuk menyasat bagaimana hendak mengatasi masalah penyakit-penyakit ini.

Tuan Yang di-Pertua, di negara kita mahupun pada masa dahulu memanglah kita tahu banyak penyakit-penyakit yang dapat diatasi oleh orang tua-tua kita dahulu yang mana pada hari ini penyakit-penyakit ini yang kadang-kadang penanaman berkenaan dengan kemajuan kepada pertanian ini ditinggalkan begitu sahaja dan buah-buahan ini menjadikan satu ubat kepada rakyat kita sendiri. Sepertimana yang kita tahu pada hari ini penyakit-penyakit yang kita takuti yang selalu disebut-sebut sehingga tidak dapat diatasi oleh pihak doktor-doktor seperti penyakit kencing manis, penyakit darah tinggi dan begitu juga penyakit jantung. Keadaan ini terdapat di negara kita sebagaimana kita tahu, iaitu penyakit jantung ini kadang-kadang dalam bandar-bandar kita ada banyak daun-daun pengaga—dipanggil di sebelah negeri Perlis, iaitu daunnya kecil-kecil yang selalu diperah dan airnya diminum, jadi penyakit dada ini dapat dielakkan dengan memakan daun itu. Daun-daun pokok ini mudah tumbuh, hanya tumbuh pada masa dahulu kebanyakannya di batas-batas bendang begitu sahaja, jadi mudah didapati tetapi tidak dapat diketahui oleh pihak-pihak ini. Ada setengahnya tahu tetapi buat tidak tahu sahaja tetapi sehingga hari ini kalau kita pergi ke pekan-pekan di Kuala Lumpur kita dapati berlonggok daun-daun itu dijual untuk diperah dan dijadikan satu ubat kepada kita tetapi tidak diselidikkkan.

Begitu juga berkenaan dengan buah petola sebagaimana yang disebut di negeri Perlis. Sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahawa buah petola ini satu jenis buah yang terdapat terutama sekali di negeri Perlis dan mudah penanaman pokok-pokok ini, mudah tumbuh, masanya singkat, perolehannya dapat tetapi malangnya tempat pemasaran buah-buahan ini tidak menjadi harga begitu sahaja di sebelah sana. Kalau di sebelah pekan-pekan kita ini memanglah menjadi harga dan buah ini juga patut diambil tahu dan dicari jalan bagaimana buah ini dapat tahan lama dan dapat dijadikan satu perusahaan kepada kemajuan pertanian kita ini. Di dalam buah itu selalu kita dapati biji-biji buah ini dibuang, manakala yang kita dapati di dalam pekan ini kita beli, kita makan hanya tidak ada biji lagi tetapi biji itu betul menjadi ubat. Bila disiasat biji itu sangat mujarab untuk menjadi ubat, iaitu di sebelah sana menjadi ubat, kalau dimakan dengan biji-bijinya itu boleh menghilangkan penyakit cacing roma, cacing halus. Kalau orang yang selalu makan buah itu dengan biji-bijinya sekali barangkali penyakit ini dapat diatasi. Satu penyelidikan patut dijalankan dan bagaimana perkara-perkara ini dapat dimajukan oleh pihak pertanian.

Sebagaimana saya sebutkan tadi seperti penyakit kencing manis kita dapati pokok petai, buah jering yang dapat didapati dan dapat diselidikkkan supaya perkara-perkara terbitan atas usaha-usaha di kampung ataupun kepada pak tani, segala buah-buahan ini dapat diproseskan kemajuan-kemajuannya lebih daripada yang kita katakan bagi pihak doktor-doktor ini tidak dapat diatasi. Satu lagi, iaitu yang kita katakan akar som-som ataupun pokok daun tutup bumi. Ini semua mudah tumbuh, taruh begitu sahaja dia tumbuh dan dapat dijualkan kalau hendak menjauuhkan penyakit-penyakit ini tetapi tidak diselidikkkan, tinggal begitu sahaja. Kita harap perkara ini dapat diatasi oleh pihak Kementerian ini mencari jalan supaya perkara yang kecil-kecil ini dapat dimajukan oleh pak tani menambahkan hasil kepada mereka itu menyelidiki tanaman supaya benda-benda ini menjadi kegunaan kepada rakyat kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita harapkan, kita tahu banyak pegawai-pegawai pertanian muda kita ini yang ada banyak di negeri-negeri tetapi dalam pada itupun kemajuan yang ada pada hari ini yang

diharapkan oleh pihak Kementerian Pertanian menyelidikan ataupun pegawai-pegawai muda kemajuan pertanian ini patut ditambah bagi negeri-negeri ini dan diberi latihan yang cukup supaya mereka juga dapat memberi betul-betul petunjuk ataupun jalan kepada petani-petani yang tidak tahu selok-belok mengenai hal ini. Kalaulah banyak pegawai-pegawai ini tetapi tidak merapatkan diri dengan petani-petani ini, maknanya apa yang dibuat oleh Kerajaan pada hari ini jauh sangat, lebih-lebih lagi kekurangan yang saya sebutkan tadi bagi pegawai-pegawai ini di tiap-tiap negeri. Kita harap pegawai-pegawai ini akan dapat diberi latihan samada di dalam negeri ataupun di luar negeri untuk melatih betul-betul di dalam bahagian pertanian ini. Kalau tidak dalam usaha apa sekalipun akan dibuat untuk penyelidikan, untuk kemajuan pertanian ini tidak akan tercapai walau atas kata-kata sahaja, kalau tidak mencukupi kakitangan yang akan menjalankan perusahaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, atas kemajuan ini juga sebagaimana kita tahu penanaman padi ini memang kita ucapkan terima kasih kepada Kementerian ini yang mana usaha-usaha penanaman ini telahpun dapat dilaksanakan atas kemajuan-kemajuan yang ada pada hari ini, iaitu dengan menghantarkan begitu banyak trekter untuk mengatasi masalah-masalah hari ini. Pihak petani tidak payah lagi membela kerbau-lembu untuk menjalankan usaha-usaha ini yang mana pada masa dahulu walaupun mendapat keuntungan tetapi membuang banyak masa pak-pak tani ini. Dengan adanya kemajuan moden ini maka perusahaan pak-pak tani ini dapat dimajukan dengan keadaan yang diusahakan atau ditunjukkan oleh Kementerian ini supaya pak-pak tani menggunakan perkakas-perkakas moden tetapi malangnya di dalam soal ini juga terdapat dalam pengambilan buah-buah padi ini kerap kali ketinggalan begitu sahaja. Buah-buah yang masak tidak dapat diambil dengan sebegitu cepat dengan tenaga manusia yang ada pada hari ini kerana di dalam pengambilan buah padi ini tenaga manusia telahpun kurang kerana usaha-usaha ini boleh dikatakan tidak begitu menarik sekali kepada pemuda-pemuda kita di dalam menjalankan daya usaha berkenaan dengan pertanian. Dengan kerana itulah usaha-usaha untuk pengambilan buah-buah padi itu ketinggalan dan kita harap pihak Kementerian ini akan mencari daya usaha bagaimana

hendak mendapatkan jentera-jentera moden untuk pengambilan buah padi. Ini tidak menjadikan satu kekurangan daripada tenaga manusia yang dapat menjalankan usaha itu dan tidak menjadi kerugian kepada petani-petani, hanya yang menjadi rungutan dan menjadi kerugian kepada petani-petani hari ini buahnya masak tidak ada orang yang mengambilnya. Kadang-kadang kita hanya mendapatkan tenaga-tenaga dari negara asing iaitu kita dapat daripada orang-orang Siam yang masuk ke negara kita untuk menolong mengambil buah-buah padi ini. Tetapi sekarang sekatan sudah diketatkan memandangkan masaalah-masaalah negara yang berbangkit pada hari ini berkenaan dengan kemasukan-kemasukan orang-orang yang kita tidak ingini di negara kita seperti penjenayah ataupun kominis yang kita tidak dapat meneliti perkara ini. Di samping itu ada juga berbangkit dalam masaalah ini orang-orang yang kita harap memberi pertolongan dalam pengambilan buah padi ini tidak akan kita dapat dengan sewenang-wenangnya daripada negeri Siam itu. Maka dengan sebab itu kita harap kepada pihak Kementerian Pertanian akan berusaha dan mencari jalan supaya dapat memasukkan jentera pengambilan buah padi. Jentera ini sangat kekurangan dan tidak ada lagi bagi mengambil buah padi ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya berharap berkenaan dengan kekurangan pegawai-pegawai ataupun bagi pihak orang yang akan menjalankan tugas-tugas ini, maka biasiswa untuk pertanian patut dibanyakkan untuk memberi peluang kepada pemuda-pemuda dan belia-belia kita mengambil bahagian dan betul-betul akan memberi khidmat kepada petani-petani kita. Dengan cara begitu barangkali pada masa yang akan datang banyak belia-belia kita akan menumpukan tenaga mereka kepada pertanian kerana kita tahu hasil daripada pertanian sekarang adalah lumayan juga. Sungguhpun pendapatannya lumayan tetapi bagi ibubapa tidak menggalakkan anak-anak mudanya masuk menolong di dalam bidang pertanian bahkan lebih suka anak-anak mereka menjelajah ke lain-lain negeri seperti di Kuala Lumpur, Pulau Pinang untuk bekerja dengan swasta. Walaupun anak-anak petani itu bergaji kecil, \$80, \$90 ataupun \$100 sebulan, mereka lebih suka meninggalkan perusahaan-perusahaan atau pesaka yang dibuat oleh datuk-nenek mereka dan mereka lebih suka berhijrah ke negeri lain untuk mencari mata pencarian.

Begitu juga ibubapa tidak senang hati untuk menurunkan anak-anak mereka ke situ. Dengan cara kemajuan moden yang ada pada kita hari ini kita percaya jika ditunjukkan dengan betul-betul pendapatan yang lebih dan kita berharap pemuda-pemuda kita akan banyak balik ke kampung dan bekerja ke kampung balik.

Saya bercakap dalam masaalah ini lebih sedikit disebabkan negeri Perlis boleh dikatakan 80-90% penduduknya adalah terdiri daripada petani-petani. Kita harap Kementerian ini akan mengambil perhatian di dalam perkara ini dan dapat mengatasi masaalah-masaalah yang saya sebutkan tadi, mudah-mudahan dengan kemajuan pertanian yang ada di negeri kita akan dapat mengatasi masaalah-masaalah yang dihadapi.

3.54 ptg.

Puan Hajjah Cik Tom Saudah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang Instituit Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan), 1976. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang meminda Akta ini dan saya tidak hendak bercakap panjang, hanya ada dua tiga perkara sahaja.

Yang pertama saya hendak bercakap berkenaan dengan perusahaan tanaman. Seperti mana kita tahu sekarang ini kita menghadapi kekurangan tentang tanaman asam jawa. Saya tidak tahu samada asam jawa yang ada dalam negeri kita ini mencukupi atau tidak. Kalau mengikut keadaan sekarang asam jawa itu terlalu mahal, yang elok berharga sampai \$1 satu kati. Saya berharap kepada pihak MARDI supaya menyelidik dan membuat perusahaan asam jawa ini dengan secara besar-besaran untuk negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya tahu kalau orang-orang kita pergi ke London barangkali berkehendakan kepada asam jawa kerana kita di Malaysia ini kalau tidak ada asam tidak boleh duduk, kena makan asam. Asam yang ada di London itu adalah asam yang diimpot daripada India. Asam itu keras seperti batu, kalau kita hendak makan hendaklah direndam agak lama baru boleh keluar asamnya. Kalau kita ada perusahaan menanam asam itu dengan secara besar-besaran, saya rasa dapat juga kita hantar ke luar negeri.

Keduanya, berkenaan dengan perusahaan menanam buah langsung. Saya rasa buah langsung ini tidak ada lagi perusahaannya ditanam secara besar-besaran. Langsung yang kita makan itu ialah hasil tanaman daripada dusun-dusun orang tua-tua dahulu. Saya tahu di negeri Kedah banyak langsung tetapi ada juga pokok yang tua-tua, 20 tahun ke atas, 15 tahun, 10 tahun iaitu pokok-pokok lama yang ada di dusun-dusun itu. Langsung-langsung dari pokok-pokok tua itulah yang kita dapat makan. Saya rasa patut juga pihak MARDI menyasat supaya dapat kita mengadakan perusahaan tanaman langsung seperti di negeri Selangor yang banyak pokok duku. Kalau dapat diselidik kita kahwinkan langsung dengan duku bolehlah kita dapat merasa buah yang lebih lazat lagi. Langsung ini bila kita makan kalau letak secupak tanpa disedari sudah habis disebabkan sedapnya langsung ini.

Begitulah yang saya hendak bercakap kerana masa pun tidak mengizinkan. Seperti mana yang disebutkan oleh rakan saya tadi petai dan jering inipun patutlah juga pihak MARDI ini menyasat. Kalau petai itu ada juga, ertinya seperti yang saya sebutkan tadi iaitu dusun yang lama juga yang ditanam dan buah jering ini diambil daripada hutan. Tetapi kalaulah negara kita yang maju sekarang ini, hutan-hutan ditebang habis, barangkali sedikit masa lagi jering pun tidak ada dijual. Itulah harapan saya kepada pihak MARDI supaya dapat menyelidik buah-buah yang ada dalam negara kita ini dan dapat dibanyakkkan lagi buah-buah itu di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini dan diharap dapat pihak Kementerian ini menjalankan tugas-tugasnya dengan secepat mungkin.

3.58 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih yang setingginya kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberi perhatian berat di atas Bil ataupun Akta yang sedang dikemukakan di dalam Dewan ini. MARDI memulakan tugasnya pada tahun 1971 dan sejak tertubuhnya MARDI beberapa kemajuan penyelidikan terutama di dalam bidang tanaman seperti padi, kelapa, kelapa

sawit dan sebagainya telah pun mencapai kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan mustahaknya pembangunan sektor pertanian bukan sahaja bagi menambahkan pengeluaran negara tetapi lebih-lebih lagi bagi membasmi kemiskinan. MARDI perlu memainkan peranan yang lebih giat lagi. Bagi maksud ini, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga satu projek besar-besaran telah diluluskan bagi memperbaiki dan memperluaskan usaha-usaha penyelidikan MARDI. Projek ini yang telahpun mula dilaksanakan akan menelan belanja lebihkurang \$256 juta. Sebanyak lebihkurang \$61.3 juta daripada jumlah ini dibiayai oleh pinjaman daripada Bank Dunia dan perjanjian mengenainya telahpun ditandatangani dalam bulan Mei 1975. Pada amnya projek ini akan bertumpu kepada memajukan usaha-usaha penyelidikan terhadap mengadakan benih-benih serta baka-baka baru yang lebih berhasil dan juga teknologi serta cara-cara pertanian yang baru dan moden. Semua usaha ini bertujuan menambahkan lagi kemampuan negara mengatasi masalah-masalah yang rendah dan hasil pengeluaran yang rendah di sektor pertanian terutama di kebun-kebun kecil di mana sebahagian besar dari kalangan rakyat miskin menumpukan mata pencarian hidup mereka di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pendapat-pendapat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, pertama sekali kepada Yang Berhormat Datuk Mansur, beliau telah membangkitkan buah-buah Malaysia supaya dapat dikaji terutama buah limau tempatan seperti buah limau dari Golok. Walaupun saya belum lagi merasa limau Golok itu, tetapi saya percaya apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu adalah benar. Dan insya Allah saya akan menyampaikan kepada MARDI supaya dapat membuat kajian atas buah-buah tersebut.

Kedua, beliau juga telah meminta supaya tanah beres dapat disiasat. Ini memang menjadi tujuan MARDI yang mana pada masa ini MARDI mempunyai kawasan tanah beres seluas 120 ekar di Sungai Baging. Salah satu hasil penyiastannya ialah tanah beres didapati sesuai untuk tanaman gajus dan juga kacang dal.

Ketiga, risalah-risalah penyiastan MARDI supaya dibahagikan kepada petani. Ini memang telah dilaksanakan melalui Jabatan

Perkembangan Pertanian, Persatuan Peladang dan juga lain-lain agensi Kerajaan.

Berhubung dengan perkara yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik, beliau bimbang dengan Akta ini dibentangkan di Dewan Negara adalah mengelirukan rakyat yang mana Dewan hanya sibuk memberi gelaran nama-nama pangkat pegawai Kerajaan sahaja. Apa yang diperlukan oleh rakyat ialah hasil-hasil penyelidikan bukan pangkat atau gelaran seseorang. Di atas perkara ini sebagai Yang Berhormat sedia maklum memang telah menjadi amalan peraturan negara kita tiap-tiap sesuatu undang-undang yang memerlukan pindaan atau tambahan melalui Dewan Rakyat dan Dewan Negara, maka Menteri yang berkenaan mestilah mengemukakan undang-undang tersebut untuk mendapat persetujuan dari kedua-dua Dewan tersebut dan adalah tugas Dewan ini untuk meluluskan. Perkara ini, saya fikir Yang Berhormat itu sedia maklum kerana beliau pernah menjadi Ahli Dewan Negeri Selangor sebagai Ahli Dewan Rakyat dan sekarang berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negara. Walaupun Dewan ini sedang membincangkan Akta ini tetapi tugas MARDI terus berjalan sebagaimana biasa di dalam menjalankan penyelidikan di dalam bidang-bidang pertanian dan tidaklah bermakna apabila Akta ini dibincangkan tugas MARDI diberhentikan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kepada ucapan Senator Datuk Abdul Aziz Tapa, beliau membangkitkan supaya racun yang digunakan oleh petani sekarang dapat diselidiki, kalau boleh tidak akan memusnahkan ikan darat. Perkara ini MARDI sedang memberi perhatian dan sedang di dalam penyelidikan, tetapi oleh kerana kebanyakan bahan kimia yang mengandungi racun itu agak sukar untuk dibuat penyelidikan dan kita akan cuba dengan sedaya upaya bagi mengatasi masalah ini.

Yang kedua, beliau juga meminta supaya ikan Jelawat dapat dibiakkan di kawasan selain dari Sungai Pahang. Perkara ini juga sedang di dalam kajian pihak MARDI.

Senator Datuk Haji Ahmad Arshad pula membangkitkan selalu gambar Menteri-menteri ditayangkan di dalam T.V. di dalam masa menjalankan tugas. Perkara ini pada hemat saya ialah kerana RTM juga mempunyai tanggungjawab sama di dalam bidang pembangunan. Oleh itu RTM menjalankan tugas atas perkara yang difikirkan sesuai

untuk bidang penyiaran. Sebagai contoh sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum di dalam masa Dewan Rakyat dan Dewan Negara bersidang, memang dikhaskan siaran berita untuk Parlimen. Di sini selalunya kita dapat melihat yang mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang rajin bercakap di dalam Dewan ini setiap malam gambarnya disiarkan di dalam T.V. Saya fikir perkara ini tidaklah menjadi perkara yang luar biasa kerana kita sama-sama maklum, begitu juga di dalam akhbar-akhbar boleh dikatakan setiap hari gambar-gambar Ahli-ahli Yang Berhormat yang rajin bercakap disiarkan di dalam akhbar-akhbar.

Tuan Yang di-Pertua, beliau juga menyentuh berkenaan padi jenis baru, nasinya keras. Sepanjang yang saya tahu seperti padi Mahsuri, padi Jaya, padi Bahagia, Jaya Improve, Madu Tiga, Mat Candu, semuanya adalah baik dan menjadi kesukaan orang ramai. Agak saya apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah padi Seri Malaysia Satu. Seri Malaysia Satu ini ialah kacukan dari padi Pita dari Indonesia dengan padi Tangkai Rotan dari Malaysia yang mana hasilnya sangat tinggi iaitu dua kali ganda dari padi-padi biasa. Kalau kita masak dan kita makan nasinya hangat-hangat tidaklah keras, tetapi kalau kita makan setelah nasi itu sejuk adalah keras sedikit. Ini terpulang kepada selira masing-masing kerana ada juga yang suka keras dan ada yang suka lembik. Mengikut kajian saya ramai orang yang suka keras sedikit dari lembik sangat. Bagi mengelakkan keras sedikit, kalau kita makan dengan kuah yang banyak ataupun waktu memasak airnya dilebihkan sedikit, saya percaya perkara ini tidak berbangkit. Walaupun begitu, MARDI akan mencuba untuk menyiasat perkara ini supaya nasi daripada padi Seri Malaysia Satu ini tidak akan keras apabila nasi itu sejuk.

Ahli Yang Berhormat juga bersama-sama dengan rakannya Yang Berhormat Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim menyentuh berkenaan dengan kekurangan tenaga manusia untuk menyelamatkan hasil-hasil pertanian yang terbuang. Ini adalah diakui kerana kita pada masa ini sedang mengalami kekurangan tenaga manusia di dalam kawasan sawah terutama kawasan yang telah maju di dalam tanaman dua kali setahun. Tetapi walau bagaimanapun pihak MADA bersama-sama dengan swasta daripada Jepun telah dan sedang menjalankan siasatan mencipta

beberapa buah mesin untuk mengatasi masalah ini iaitu mesin untuk menuai padi dan mesin untuk menanam padi. Insya Allah apabila kejayaan dapat diciptakan dengan sebaik-baiknya maka mesin-mesin serupa itu akan digalakkan kepada petani di kawasan-kawasan yang mengalami kekurangan tenaga manusia.

Keempat, beliau juga meminta supaya MARDI menyiasat soal ayam hutan, kerana mengikut pendapat beliau ayam hutan dagingnya lebih baik. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ketahui ayam hutan dagingnya lebih keras daripada ayam biasa dan mengikut kajian statistik bahawa ayam di seluruh negara pada hari ini telahpun mencukupi, di negeri Johor sahaja kita telah mengekspot ayam pada tiap-tiap hari 160,000 ekor. Kalau kita hendak menternak lagi ayam hutan ini, saya bimbang nanti pasarannya tidak begitu baik dan akhirnya pihak FAMA juga akan bertanggungjawab bagi mengatasi masalah yang serupa ini dan saya fikir perkara ini agak susah juga untuk mendapatkan baka ayam-ayam hutan ataupun ayam denak seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Kelima, beliau juga meminta melindungi ikan Jelawat supaya jangan kehabisan benih seperti yang ada di Sungai Pahang. Ini insya Allah saya akan berunding dengan Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar Pahang untuk mencari jalan bagaimana untuk menguasai perkara ini. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa sungai ini adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, beliau juga menyebut berkenaan dengan baja supaya diasiasat untuk dikaji supaya menjamin pengeluaran yang sesuai untuk tanaman tembakau supaya tidak musnah sebagaimana yang pernah diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Perkara ini saya sendiri telah mengambil satu daya usaha mengadakan mesyuarat bersama Kementerian Pertanian dengan Kementerian Perusahaan Utama dijadikan satu supaya bukan sahaja masalah baja tetapi juga daripada segi benih dan sebagainya supaya kedudukan tanaman tembakau di dalam negara ini mendapat pasaran yang baik. Pada hari ini akan terus terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Mohamed Amin juga memberi

fikiran, yang pertama untuk meningkatkan masa pengeluaran hasil petani seperti padi bukan sahaja untuk tanaman dua kali setahun, kalau boleh biarlah tiga kali setahun. Saya suka terangkan di sini bahawa ia telah pun dijalankan oleh Kementerian saya. Satu percubaan telah dibuat di kawasan Tanjong Karang iaitu di dalam kawasan seluas 80 ekar yang mana pada masa ini adalah buat percubaan permulaan supaya dapat menanam lima kali di dalam tempoh dua tahun yakni setahun $2\frac{1}{2}$ kali dan apabila berjaya, barangkali kita boleh majukan sampai 3 kali setahun. Tetapi apa yang menjadi masalah besar, mungkin seperti kawasan Tanjong Karang barangkali tidak menjadi masalah kerana soal perairan telah mencukupi, bila-bila masa kita kehendaki, air boleh didapati. Berapa tinggi air dikehendaki, satu kaki, dua kaki, tiga kaki hendak kering langsung boleh kita jalankan dengan serta-merta.

Ini disebabkan adanya satu sistem fibre glass drain yang sedang dijalankan di sana, tetapi walau bagaimanapun di samping itu selain daripada itu juga benih-benih padi yang dicipta yang tidak melebihi umur ini juga perlu dicipta. Pada masa ini pihak Kementerian saya telah berjaya mencipta satu jenis padi yang dinamakan Padi Jaya (Improved) yang mendapat hasil tiap-tiap seekor 900 gantang. Saya harap padi ini tidak akan menurun di masa yang akan datang dan tidak akan berubah daripada asalnya dan akan dapat dibiakkan di beberapa tempat yang lain di dalam percubaan tanam dua tahun lima kali.

Selain daripada itu, beliau juga meminta supaya kelapa disiasat untuk memperbanyakkan buahnya dan sengkot masanya. Perkara ini juga telah pun mencapai kejayaan yang mana pada hari ini kita telah mempunyai satu jenis kelapa iaitu percantuman daripada kelapa yang datang dari Afrika dengan kelapa yang datang daripada Malaysia iaitu disebutkan kelapa MAWA—MAWA maknanya MA-Malaysia dan WA-West Africa. Dan buahnya lebih cepat daripada kelapa yang ada iaitu dalam tempoh 3 tahun kelapa ini telah berbuah dan buahnya berlipat tiga kali ganda daripada kelapa biasa. Pada hari ini Kementerian Pertanian akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mengumpulkan seberapa banyak benih kelapa jenis ini untuk diberikan kepada pekebun-pekebun kecil yang ingin menanam semula kelapa supaya dapat ditanam dengan

kelapa jenis MAWA ini sahaja di seluruh negara. Tujuannya supaya petani-petani dan pekebun kelapa dapat mempunyai pendapatan 3 atau pun 4 kali ganda daripada masa-masa yang lepas.

Selain daripada itu, pandangan daripada Datuk Seri Hussein Noordin berkenaan memproses buah-buahan supaya diproses seperti durian, rambutan dan sebagainya. Sebenarnya, perkara ini telah pun dijalankan oleh pihak sebahagian daripada MARDI iaitu Food Technology yang diserahkan kepada Mardi pada hari ini dan telah pun mendapat mencapai beberapa jenis buah-buahan yang diproses seperti jambu batu dijadikan minuman, nangka dalam tin, markisar untuk minuman, durian dalam tin, papaya dijadikan juice dan sebagainya. Saya fikir satu langkah yang paling baik oleh kerana masa terlalu sengkat untuk Dewan ini bersidang, persidangan yang akan datang saya akan ikhtiarkan untuk membawa rombongan lawatan daripada Ahli-ahli Senator melawat di MARDI bagi melihat kemahuan yang dicapai dan pusat-pusat memproses untuk mengetahui dengan lebih dekat. Selain daripada itu, beliau juga meminta ikan belut disiasat. Sebenarnya, Pusat Penyiasatan di Batu Berendam, Melaka sedang menjalankan penyiasatan belut ini, tetapi kejayaan yang memuaskan belum lagi dicapai. Walau bagaimanapun, tindakan-tindakan selanjutnya terus-menerus dijalankan sehingga dapat mengeluarkan anak-anak belut, kalau boleh ini satu langkah yang sangat baik. Tetapi pada masa ini daripada segi pemeliharaan boleh dijalankan tetapi anak-anak belut ini terpaksa dicari daripada punca-punca yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Datuk Dr Wee Khoo Hock telah memberi pandangan bahawa timun Kelantan itu kecil-kecil tetapi rasanya sedap. Saya bersetuju memang mendapat pasaran yang sangat baik dan beliau mengesyorkan supaya dicantumkan dengan jenis yang besar supaya buahnya dapat sederhana. Perkara ini akan saya sampaikan kepada MARDI supaya dapat diberi kajian dan penyiasatan untuk mencantumkan buah ini. Beliau juga menyebutkan durian kepala gajah di Kelantan sangat sedap. Kalau tak salah saya durian kepala gajah ini adalah percantuman daripada durian Siam dengan durian tembaga, jadi itu sebabnya isinya berupa keemasan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Yang Berhormat Tuan Ismail Sheikh Ibrahim meminta untuk mengkaji tanah-tanah masam boleh diselidik supaya dapat digunakan. Ini memang di dalam tindakan Kementerian ini, tetapi buat masa ini untuk mengatasi masaalah ini tanah-tanah yang masam yang serupa ini boleh diatasi masaalahnya dengan menggunakan kapur. Ini banyak yang telah terjadi di kawasan MADA sebahagian daripada mempunyai tanah-tanah masam. Apabila tanaman padi hendak dijalankan terpaksa diberikan kapur lebih dahulu. Tetapi walau bagaimanapun, kajian-kajian yang lebih mendalam, kerana ini adalah berpunca daripada air dan keadaan soil di satu-satu tempat itu. Yang keduanya, beliau meminta pokok mangga, limau dan sebagainya yang diserang serangga, saya harap kalau ada kejadian yang mengejut yang serupa ini dapat kiranya Yang Berhormat menghubungi kepada Jabatan Pertanian atau Jabatan MARDI yang berhampiran supaya mereka dapat dengan serta-merta mengambil tindakan dan mengambil contoh-contoh daun-daun atau pun pokok-pokok yang diserang serangga itu dapat disiasat dengan segera dan diberi racun-racun serangga yang sesuai yang merosakkan pokok-pokok yang serupa ini.

Beliau juga telah banyak memberi pandangan, macam-macam pokok buah-buahan yang boleh menjadi ubat. Perkara ini, insya Allah, akan saya cuba sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk membuat kajian oleh doktor-doktor yang khusus, sebab Pegawai MARDI dari segi perubatan manusia ini tidak ada cukup pengalaman.

Selain daripada itu, beliau juga menasihatkan Pegawai-pegawai Pertanian dan Pegawai MARDI merapatkan diri dengan petani-petani. Ini adalah satu pandangan yang sangat baik, inilah yang selalu didorong dan digalakkan oleh Kementerian saya supaya pegawai-pegawai pertanian ini dapat merapat diri kepada petani-petani di mana mereka ditugaskan. Kalau sekiranya Yang Berhormat dapati ada pegawai-pegawai yang selalu mengasingkan atau memencilkan diri dengan petani-petani, saya harap tolong beri nasihat supaya mereka ini dapat berdamping rapat lagi dengan petani-petani.

Yang Berhormat juga memberi pandangan biasiswa untuk pertanian supaya diperbanyakkan. Ini memang telah disediakan

oleh pihak Kementerian dan juga MARDI mengadakan biasiswa-biasiswa kepada pegawai-pegawainya untuk khursus-khursus lanjutan samada dalam ataupun luar negeri. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, Yang Berhormat Puan Hajjah Tom Saudah memberi pandangan asam jawa patut digalakkan kerana harganya mahal. Ini saya akan ambil perhatian dan beliau juga membuat pandangan buah langsung dan duku supaya dikahwinkan. Insya Allah, kalau diizinkan Tuhan supaya dapat benih yang baik saya akan cuba sampaikan kepada MARDI perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja jawapan-jawapan yang telah dapat saya sampaikan pada petang ini dan sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini mudah-mudahan mendapat kejayaan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG TALIKOM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.20 ptg.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Talikom, 1950 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Akta Pindaan ini bertujuan :

- (i) Bagi menentukan bahawa adalah menjadi satu kesalahan bagi sesiapa yang merosakkan atau memusnahkan talian talikom atau plant dan menyediakan satu dasar yang sesuai bagi menentukan nilai barang-barang yang dirosakkan dan kehilangan hasil akibat dari kerosakan tersebut.
- (ii) Pindaan tersebut bertujuan untuk memberi kepada Penguasa Talikom hak eksklusif menyusun, menerbit dan mencetak semua buku-buku Panduan Talipon dan Telex.

Di samping itu juga pindaan tersebut menentukan bahawa adalah menjadi satu kesalahan bagi sesiapa yang menyusun, menerbit atau mencetak sebarang Buku Panduan Talipon atau Telex tanpa kebenaran dan menetapkan penalti bagi kesalahan tersebut.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan akan menentukan dengan tegas bahawa kehilangan, kerosakan pada harta Jabatan Talikom dapat dikurangkan di samping mengawal pengeluaran Buku Panduan Talipon atau Telex demi kepentingan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Puan Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.23 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini dengan sekuat-kuatnya.

Mula-mula saya suka bercakap tentang panggilan-panggilan talipon. Saya sangat-sangat dukacita kalau kita pusing 101, 102, 103 berjam-jam baru kita dapat jawapan. Mengapa begitu? Apa yang saya harap mulai dari tahun ini kalau boleh no more calls melalui 101, 102 atau 103. Kita mesti buat sistem automatik macam negeri-negeri yang telah moden. Banyak orang "fed up" jikalau membuat panggilan jauh, tetapi kalau membuat call ke Singapura, satu second sudah dapat, saya selalu buat. Ini pun saya hairan juga, panggilan di tanah air kita sendiri tidak dapat, tetapi panggilan ke Singapura satu second sudah dapat.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bil ini—sesiapa yang merosakkan perkakas-perkakas talipon dan sebagainya, orang-orang yang merosakkan itu mestilah mengganti kerosakan itu. Begitu juga orang-orang yang mencuri dawai talipon, kalau dapat ditangkapi saya mahu orang-orang yang mencuri itu dan taukeh-taukeh yang membeli dawai-dawai talipon itu, bukan didenda, tetapi mereka mestilah dihukum jel seumur hidup, supaya mereka yang mencuri dan membeli dawai-dawai talipon itu tidak berani lagi melakukan perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir saya juga merayu kepada Kerajaan mulai tahun ini sesiapa juga yang berkehendakkan membuat satu projek perumahan (housing project) Pejabat Talikom ini mesti diberitahu. Pendek kata, dalam pelan projek perumahan itu mesti ada jalan-jalan, longkang-longkang, padang-padang permainan, sekolah-sekolah, market, dewan orang ramai dan line talipon, iaitu Duct Line. Pelan-pelan itu bukan sahaja diluluskan oleh Akitek tetapi juga mesti diluluskan oleh J.K.R., D.I.D., Talikom dan Lembaga Bandar kawasan itu. Kita tidak mahu semua housing project apabila siap, tetapi line talipon tidak ada, kena minta kemudian dan kena tunggu selekas-lekasnya 3 tahun baru dapat. Satu daripada contohnya, di Kepong Baru, di Kepong Garden, 3 tahun baru dapat talipon. Jadi, itulah pandangan saya, tiap-tiap housing project mestilah mengadakan line talipon supaya jangan menyusahkan rakyat.

4.25 ptg.

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan berbanyak terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk bercakap di dalam Rang Undang-undang ini.

Dengan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini untuk diluluskan dengan seberapa segera kerana memandang betapa mustahaknya undang-undang yang seumpama ini dibuat kerana kita dapati kebanyakan pondok-pondok talipon yang didirikan oleh Kerajaan di tepi-tepi jalan seringkali dirosakkan atau dibinasakan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab terutama belia-belia. Bukan setakat ini sahaja, kadangkang seringkali mereka menggunakan pondok-pondok talipon itu untuk membuat panggilan-panggilan palsu kepada Jabatan-jabatan Bomba ataupun Jabatan Polis dan

juga Rumah Sakit mengatakan ada orang sakit, ada kebakaran ataupun ada rompakan berlaku. Jadi, saya rasa perkara yang seumpama ini sangatlah menjadi kurang baik kepada kita dan rasa saya dengan adanya undang-undang ini dipinda, maka sudah tentu akan dapat menyelamatkan harta benda Kerajaan kerana barang-barang ini adalah menjadi kemudahan yang sepenuhnya kepada orang ramai.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, mengenai denda di atas penilaian barang-barang yang rosak ataupun kerugian, saya kurang begitu bersetuju kerana pada pendapat saya hendaklah didenda atau dihukum dengan hukuman yang berat supaya perkara yang seumpama ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pihak Kerajaan ingin mengadakan pondok-pondok talipon di mana-mana sahaja hendaklah difikirkan bahawa tempat itu adalah tempat yang selamat seperti di tepi-tepi kedai ataupun berhampiran dengan rumah, Balai Polis ataupun berdekatan dengan rumah ketua kampung, penghulu dan sebagainya. Jadi, saya rasa dengan cara inilah sahaja perkara-perkara yang seumpama itu tidak akan berlaku lagi. Saya rasa tidaklah saya hendak memberi pandangan banyak, hanya saya sekali lagi menyokong penuh Bil ini diluluskan dengan segera.

4.28 ptg.

Tuan V. V. Aboo: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Talikom (Pindaan), 1976.

Tuan Yang di-Pertua, saya dukacita tentang perkhidmatan talipon di Mentakab masih menggunakan operator-operator talipon. Selalu terdapat panggilan-panggilan itu tergendala dan mengeciwakan kerana ada operator-operator yang tidak mendialkan panggilan dan ada pula yang melambatkan sambungannya dan ada pula yang bertutur bahasa yang kasar dan biadab.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan Kementerian berkenaan akan memberikan perhatian berat dan berbuat sesuatu yang boleh mengatasi soal ini kerana jika berlaku sesuatu yang mustahak seperti kebakaran, kemalangan, kecemasan, sakit dan sebagainya, jika talipon tidak dapat digunakan segera tentulah akibatnya buruk sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Kementerian yang berkenaan agar tidak membiarkan operator-operator terlalu lama di satu-satu tempat kerana ini akan membawa berbagai hal seperti pilih kasih di dalam penggunaan talipon oleh sebab-sebab yang tertentu dibaliknya.

4.29 ptg.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Talikom, 1950.

Disamping itu sukalah saya berucap sepatah dua di dalam Dewan yang mulia ini iaitu bersangkutan dengan kerosakan-kerosakan talipon yang dipasangkan di luar-luar bandar. Ini kita tahu kerosakan-kerosakan ini berlaku adalah daripada perbuatan orang-orang yang tidak bertanggungjawab kerana kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan ini tidak dapat dikawal dengan sebegitu ketat, kerana di luar-luar bandar ini adalah berjauhan daripada Balai-balai Polis dan rumah-rumah pihak-pihak yang berkenaan. Kerosakan itu ialah dengan kerana tempat-tempat yang diberikan talipon untuk kemudahan orang ramai ini diberikan tidak ada orang yang bertanggungjawab.

Saya harap pihak Jabatan Talikom mengambil perhatian mengenai adanya permohonan-permohonan yang dibuat bukan daripada orang perseorangan bahkan permohonan-permohonan dibuat untuk memasang talipon di luar-luar bandar. Ini adalah atas permohonan beramai seperti mana pertubuhan-pertubuhan belia, pertubuhan-pertubuhan politik yang ada di tempat itu yang meminta dipasangkan talipon orang ramai di luar-luar bandar ini. Maka dengan kerana itu, patutlah pemasangan talipon itu diberikan tugas kepada pertubuhan belia ataupun pertubuhan politik yang ada di kampung atau di tempat itu. Jadi bolehlah ada satu tanggungjawab sedikit di atas perkara pemasangan talipon di luar bandar, kerana kita tahu kalau ada tanggungjawab seperti Pengerusi, Setiausaha atau salah seorang daripada Ahli Jawatankuasanya yang diberi bertugas untuk mengawasi dalam perkara ini, maka tentulah kejadian-kejadian merosakkan talipon ini akan berkurangan. Kerana orang-orang yang merosakkan talipon itu ialah orang-orang yang tidak waras ataupun berkehendakkan wang yang ada di dalam peti-peti itu ataupun satu perbuatan nakal daripada penduduk-penduduk di situ.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan pondok-pondok talipon di tempat-tempat yang tertentu ataupun di dalam-dalam bandar. Di dalam bandar terdapat juga keadaan-keadaan yang berlaku sebagaimana yang berlaku di luar bandar dan begitu juga kepada tempat-tempat yang tertentu seperti yang terdapat di station keretapi, di lapangan-terbang atau di perhentian-perhentian bas, maka di tempat-tempat ini memanglah sudah sepatutnya diadakan talipon. Talipon ini kadang-kadang hendak meminta di tempat yang tertentu seperti station keretapi dan sebagainya, kadang-kadang mereka katakan ada banyak urusan dan menyuruh talipon di luar. Tetapi manakala kita pergi keluar, kadang-kadang terdapat talipon-talipon itu telah rosak. Di dalam soal ini, saya harap Jabatan Talikom akan dapat mengawasi perkara ini bila ada kerosakan di tempat-tempat yang tertentu ini supaya selalu mendapat lawatan daripada kakitangannya supaya perkara-perkara itu dapat diperbaiki. Kadang-kadang talipon itu bukan dirosakkan oleh pihak yang tertentu, tetapi talipon tidak dapat digunakan oleh sebab kerosakan alat-alatnya. Kadang-kadang tempat-tempat yang tertentu seperti di lapangan-terbang di Pulau Pinang selalunya tidak dapat kita bercakap. Kita hairan perkakasnya rosak. Barangkali dengan kurangnya awasan daripada pihak Jabatan Talikom maka perkara ini berlaku. Kita harap kakitangan di dalam Jabatan ini dapat memberi pertolongan di tempat-tempat yang begitu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kelambatan pemasangan talipon yang dibuat oleh orang ramai. Ini mendukacitakan kita. Mengapakah proses untuk memasang talipon ini menjadi terlampau lambat. Kadang-kadang peniaga-peniaga ini meminta supaya talipon dimasukkan dengan cepat tetapi permohonan-permohonan itu memakan masa. Kelambatan ini merugikan pemohon dan menjadikan kerugian kepada pihak Kerajaan, kerana kalau dapat dipasangkan, maka dapatlah perolehan yang lebih bagi Kerajaan. Kita berharap perkara ini akan dikaji samada kekurangan kakitangan untuk memproses perkara ini akan ditambah dan begitu juga kerosakan-kerosakan yang berlaku patut diawasi supaya perkara-perkara ini tidak berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pemotongan talipon. Kadang-kadang bukan tidak ada duit, terlalai. Kadang-kadang hubungan ini pun tidak diambil berat sangat,

dalam soal ini terus dipotong. Tidak payah hendak dimaafkan lagi. Kadang-kadang terlambat seminggu pembayarannya itu. Soal ini selalu berbangkit. Kita harap pihak Jabatan Talikom akan dapat mengambil perhatian semoga perkara ini tidak menjadi kesusahan kepada rakyat.

4.36 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada pindaan yang dikemukakan di dalam Rang Undang-undang ini sebenarnya menempelak guru-guru dan ibubapa, kerana apa yang berlaku ialah kerosakan kepada alat-alat talipon yang dibuat oleh apa yang digelar mereka yang tidak bertanggungjawab. Siapa dia mereka yang tidak bertanggungjawab ini? Kenapakah mereka jadi begitu? Ini soalnya.

Di sini Yang Berhormat Timbalan Menteri membawa pindaan kepada Akta Talikom tahun 1950 bertujuan meninggikan penalti kepada mereka yang merosakkan alat-alat talipon. Bukan sahaja alat-alat talipon; kalau kita pandang di ibu kota ini bangku-bangku yang diletakkan di Taman Bunga juga dibinasakan. Tong-tong sampah untuk dibuang sampah juga diconteng. Apakah dosanya bangku dan tong sampah dan talipon itu? Inilah masalaahnya yang patut kita pandang dengan serious. Adakah didikan itu diberi kepada kanak-kanak kita diperingkat awal lagi di sekolah, samada oleh guru-guru atau ibubapa, adakah pemuda-pemuda kita mempunyai tata-susila yang betul?

Perasaan civic conscious—ini dia masalah yang patut kita hadapi. Bukannya sahaja dengan meninggikan penalti kepada kesalahan yang dibuat oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Saya takut, Tuan Yang di-Pertua, kali ini kita menghadapi masalah talipon, esok masalah lain, masalah kegunaan awam yang sengaja dibinasakan dan jikalau ini tidak dijaga, tidak diberi tahu kepada guru-guru, kepada ibubapa, kepada pemimpin-pemimpin rakyat, mungkin negara kita akan menjadi satu negara yang diduduki oleh mereka yang tidak bertanggungjawab langsung. Ini satu perkara yang boleh menjadi bahaya. Saya bersetuju buat sementara waktu ini kita ambil tindakan meninggikan penalti, tetapi saya minta tindakan yang lebih keras dan lebih bermakna lagi diambil memberi didikan yang sebenarnya terutama sekali kepada anak-anak muda kita supaya menghormati bahan-bahan kegunaan awam

seperti talipon, bangku-bangku, bunga-bunga yang ditanam di tepi jalan dan pokok-pokok yang sengaja ditanam untuk mengindahkannya bandar-bandar. Itu semua untuk kebaikan awam dan patutlah tiap-tiap rakyat dan tiap-tiap penduduk di negara kita menghormati barang-barang keperluan awam itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya sedikit kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan perkara baru yang ada di dalam pindaan ini iaitu berkenaan dengan telephone directory. Nampaknya di sini akan menjadi satu kesalahan jikalau seseorang itu membuat telephone directory tanpa kebenaran daripada pihak talikom. Saya suka bertanya kerana saya tahu banyak jabatan-jabatan yang besar ataupun syarikat-syarikat yang besar, universiti-universiti, mereka mempunyai directory tersendiri kerana jabatan itu terlampau besar. Directory itu mengikut alphabetical order juga dan jikalau mereka mencetak internal directory begitu, adakah ini juga menjadi kesalahan?

Soalan yang kedua yang saya suka bertanya ialah berkenaan dengan telex directory. Di sini telex directory disebutkan:

“ ‘Telex Directory’ means the book containing the list of telex subscribers names and addresses.”

Begitu juga ini akan menjadi kesalahan bagi sesiapa yang mencetak atau menyediakan telex directory tanpa kebenaran daripada Jabatan Talikom. Oleh kerana banyak telex ini digunakan di luar negeri, dan setahu saya sekarang ini banyak telex directory itu dibuat di luar negeri oleh kompeni-kompeni yang ada di luar negeri, bagaimanakah pihak Talikom hendak mengawal orang-orang itu? Kalau telex itu dibuat oleh mereka di dalam negeri ini, barangkali tidak menjadi kesusahan bagi Jabatan Talikom hendak mengesan mereka itu, tetapi kalaulah telex directory disediakan oleh orang di luar negeri, bagaimanakah pihak Jabatan Talikom hendak menangkap atau mendakwa mereka kerana mengikut pindaan daripada Akta Talikom, 1950 ini sesiapa yang membuat telex directory tanpa kebenaran daripada Jabatan Talikom itu akan menjadi satu kesalahan.

Saya takut dari segi telex directory ini susah sedikit hendak dikesan atau didakwa sekiranya orang yang mencetak itu datangnya daripada luar negeri. Inilah dua pertanyaan

yang saya suka mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.44 ptg.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Perhubungan dan Jabatan Talikom mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun memberikan sokongan kepada Kementerian ini terhadap pindaan Rang Undang-undang ini. Ada beberapa perkara yang disentuh yang khusus mengenai pindaan Rang Undang-undang ini yang rasanya harus saya beri penjelasan sedikit-sebanyak di mana-mana yang difikirkan perlu.

Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob ada menyentuh mengenai panggilan-panggilan dan seumpamanya. Rasa saya perkara ini tidaklah mustahak saya jawab panjang kerana ia tidaklah seharusnya saya jawab kerana memandangkan kepada Pindaan Rang Undang-undang yang dibawa ini adalah terkeluar daripada apa yang sepatutnya. Tetapi walau bagaimanapun saya sukalah menjelaskan bahawa memanglah saya dan Kementerian ini mengakui terdapat keadaan-keadaan yang seperti ini sebagai mana saya pernah jelaskan bahawa dalam zaman kita membangun ini, memanglah Jabatan Talikom yang selama ini dipandang sebagai satu jabatan yang menghasilkan perkara-perkara atau alat-alat luxury ini dan oleh kerana perubahan keadaan, maka alat yang dianggap luxury telah menjadi necessity, maka banyak kekurangan-kekurangan masa yang lepas itu dijalankan yang tidak dapat memenuhi keperluan-keperluan atau perancangan-perancangan dalam masa alat itu dipandang begitu necessity. Tambahan pula saya suka menjelaskan selama ini Jabatan Talikom ini tidaklah pernah dimasukkan sebagai ahli atau seumpamanya dalam mana-mana Jawatankuasa Perancangan di negeri-negeri atau seumpamanya yang membolehkan Jabatan Talikom ini mengetahui perancangan masa hadapan yang harus dibuat dalam satu-satu kawasan. Dalam pada itu terdapat jugalah pembinaan-pembinaan baru seperti pembinaan-pembinaan jalan seperti jalan daripada Kelang—Kuala Lumpur yang baru. Selagi jalan itu tidak sempurna dibina, maka selama itulah Jabatan Talikom tidak dapat mengadakan sambungan yang sempurna.

Berhubung dengan pandangan Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob supaya Jabatan Talikom ini mengadakan

satu perundingan dengan pihak pembina-pembina perumahan bagi membolehkan pihak-pihak swasta itu mengadakan duct bagi kawasan-kawasan rancangan-rancangan perumahan atau seumpamanya, masalah ini sedang dirundingkan.

Yang Berhormat Puan Zawiah binti Abdullah ada menyentuh supaya denda yang dikenakan kepada pihak-pihak yang melakukan kerosakan-kerosakan ataupun mencuri alat-alat talikom dikenakan dengan denda yang tinggi. Pihak Kementerian ini berterima kasih di atas pandangan itu tetapi menurut pandangan Kementerian ini memadailah dengan apa yang dikenakan pada masa ini. Dan dalam pembinaan pondok-pondok talipon awam di luar bandar atau di dalam bandar-bandar memanglah pada masa-masa yang ke hadapan Kementerian ini akan menimbang faktor keselamatan alat itu daripada kerosakan, iaitu alat-alat itu akan ditempatkan seberapa boleh di tempat-tempat yang difikirkan boleh mendapat keselamatan dan perhatian ke arah keselamatan.

Berhubung dengan teguran Yang Berhormat Tuan V. V. Aboo, saya sendiri menerima pandangan dan teguran Yang Berhormat itu secara bersurat. Dalam pada itu saya sendiri telahpun mengambil tindakan yang sepatutnya dan Yang Berhormat itu telahpun saya beritahu dengan cara bersurat atau salinan surat di atas tindakan-tindakan tersebut. Dalam pada itu, saya suka menyatakan pada Ahli Yang Berhormat bahawa pada masa ini memanglah di Mentakab masih belum menggunakan sistem S.T.D. ataupun sistem automatik. Tetapi daripada awal tahun 1976 usaha-usaha ke arah membina sistem automatik bagi kawasan Mentakab itu telahpun dijalankan dan saya percaya dalam masa yang tidak berapa lama lagi kawasan Mentakab akan menggunakan sistem automatik itu. Dengan demikian, kelambatan-kelambatan yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak akan berlaku.

Berhubung dengan teguran-teguran Yang Berhormat Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim sebagaimana yang telah saya jelaskan memanglah menjadi tujuan Kementerian ini dan Jabatan Talikom akan berikhtiar meletakkan talipon-talipon awam pada masa hadapan ini di tempat yang lebih selamat. Dan suka saya menjelaskan bahawa permohonan-permohonan talipon di luar bandar umpamanya adalah berasaskan kepada per-

mohonan yang dikemukakan oleh pihak tempatan seperti Jawatankuasa Tindakan Daerah, Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung, maka pada masa-masa yang depan ini akan dimintalah kerjasama daripada pihak yang berkuasa di tempat itu seperti ketua-ketua kampung umpamanya bagi memelihara keselamatan alat-alat ini. Demikian juga pondok-pondok talipon di bandar-bandar. Dalam masalah ini suka saya menjelaskan bahawa memang terdapat kadang-kadang talipon-talipon di Stesyen Keretapi atau di Lapanganterbang berlaku kerosakan akibat dimasukkan benda-benda seperti besi yang sepatutnya tidak patut digunakan ke dalam telephone box itu yang menyebabkan alat-alat itu menjadi rosak. Jadi sebab itulah difikirkan bahawa pindaan Undang-undang ini akan membolehkan Jabatan Talikom mendenda mereka yang melakukan kesalahan itu terpaksa dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini.

Berhubung dengan apa yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin, saya bagi pihak Kementerian ini mengucapkan terima kasih di atas pandangan yang telah diberikan oleh beliau atas tujuan pindaan di lakukan. Dalam pada itu, saya sukalah menjawab pertanyaan yang dikemukakan terutama sekali mengenai kesalahan bagi sesiapa yang mencetak Telephone Directory ataupun Telex yang dikemukakan sebagai kegunaan sendiri seperti apa yang dikemukakan. Kalau sekiranya pihak Universiti misalnya, Telephone Directory yang digunakan bagi kegunaan di universiti sahaja dan tidaklah untuk dijual atau seumpamanya, maka ini tidaklah boleh menjadi satu kesalahan dan akan diberi kebenaran.

Demikian juga berkenaan dengan pertanyaan yang kedua iaitu sekiranya Telex Directory dibuat di luar negeri—kita akan mengambil tindakan supaya Directory itu tidak dibenarkan dibawa masuk ke negeri ini. Biasanya Telex Directory daripada luar negeri ini adalah kemungkinannya dipakai bukan bagi kepentingan di negeri ini sahaja, maka dalam masalah ini tidaklah difikirkan perkara itu tidak boleh diambil tindakan.

Setakat itu sahajalah yang dapat saya ucapkan dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran dalam masalah ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempatkan selama 15 minit.

Persidangan ditempatkan pada pukul 4.55 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.17 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN DAN PERLUASAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.17 ptg.

Tuan Mohd. Ali bin M. Sharif: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952 dan untuk memperluaskan kuasa Ordinan itu, sebagaimana yang dipinda, ke seluruh Malaysia dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Tujuan utama pindaan tersebut ialah bagi mengawal aktiviti perkapalan pantai (coastal shipping) yang dijalankan dalam kawasan perairan Malaysia. Pada ketika ini aktiviti perkapalan pantai boleh dijalankan oleh mana-mana syarikat, samada yang didaftarkan di dalam ataupun di luar negeri, tanpa apa-apa syarat. Keadaan yang begini telah membolehkan syarikat-syarikat perkapalan luar negeri mengambil bahagian yang lebih aktif daripada syarikat-syarikat perkapalan di dalam negeri dan selain daripada syarikat

MISC Coastal lain-lain syarikat dalam negeri telah tidak dapat mengambil bahagian dengan berjaya. Dengan pindaan ini maka peluang untuk syarikat-syarikat perkapalan dalam negeri mengambil bahagian di dalam aktiviti perkapalan pantai akan menjadi cerah.

Kini masanya telah sampai bagi Kerajaan mengambil langkah bagi melindungi pelabur-pelabur tempatan yang mengambil bahagian dalam aktiviti perkapalan pantai. Perlindungan ini diberi dengan cara menghadkan aktiviti perkapalan pantai kepada syarikat-syarikat yang didaftarkan di Malaysia dan memiliki kapal-kapal bendera Malaysia.

Suka saya menegaskan bahawa tindakan yang akan diambil selepas kuatkuasanya undang-undang yang dicadangkan ini bagi menghadkan perkhidmatan perkapalan pantai kepada syarikat-syarikat dan kapal-kapal yang berdaftar di Malaysia tidak akan menimbulkan satu keadaan yang lebih buruk daripada keadaan sekarang. Ini ialah kerana syarikat-syarikat tempatan yang telah ditubuhkan memiliki bilangan kapal-kapal yang mencukupi bagi menemui keperluan perdagangan pantai Malaysia. Adalah diharapkan bahawa tindakan yang dirancangkan ini akan dapat menimbulkan satu kedudukan yang lebih teguh bagi industri perkapalan pantai negara ini dalam jangka masa panjang.

Dasar yang menghadkan pengangkutan perdagangan tempatan kepada syarikat-syarikat dan kapal-kapal tempatan ini yang dikenali sebagai "cabotage policy" bukanlah satu dasar yang baru tetapi adalah satu dasar yang telah diterima dan dilaksanakan di kebanyakan negara-negara yang mempunyai perdagangan pantai (coastal trade) yang luas di dalam kawasan-kawasan perairan mereka sendiri.

Bagi melaksanakan undang-undang baru ini selaras dengan dasar-dasar Kerajaan, sebuah Badan Pelesenan Perkapalan Tempatan akan ditubuhkan. Selepas kuatkuasanya undang-undang ini syarikat-syarikat tempatan yang memiliki kapal-kapal bendera Malaysia tidak dengan secara automatik berhak mengambil bahagian di dalam perdagangan pantai. Syarikat-syarikat tersebut hendaklah terlebih dahulu memohon lesen daripada Badan Pelesenan Perkapalan Tempatan. Adalah menjadi satu tujuan penting bagi Badan Pelesenan tersebut untuk menentukan yang syarikat-syarikat yang diberi

lesen hendaklah mematuhi Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.23 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana membawa pindaan kepada Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952 kerana hendak memenuhi hasrat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952 adalah satu ordinan yang agak rumit dan juga panjang kerana ia mempunyai tidak salah saya 531 seksyen dan telahpun dibuat pada tahun 1952 jauh sebelum kita mencapai kemerdekaan. Pada hemat saya kita memerlukan Undang-undang Saudagar Perkapalan yang baru yang meliputi keadaan masa sekarang ini, tetapi buat sementara ini saya terima pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Sebenarnya bila saya teliti pindaan ini saya nampak ada beberapa perenggan yang bercanggah kerana di bawah pindaan kepada Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952 yang dibawa di sini nampaknya Bahagian II di bawah Ordinan itu telah digantikan dengan Bahagian IIA dan IIB yang baru. Ini bermakna beberapa seksyen yang wujud di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952 itu akan mansuh dan digantikan dengan yang baru. Saya kata sebentar tadi ada tempat-tempat yang mana Undang-undang ini bercanggah dan ini memerlukan penelitian oleh Jabatan Peguam Negara mungkin pada satu hari untuk membetulkan. Umpamanya kalau kita tengok sebagai contoh, Seksyen 18 yang baru iaitu di bawah Bahagian IIA berkenaan dengan "Marking of ships": ini di bawah Seksyen 18 (1). Tetapi kalau kita mengikut Undang-undang lama yang telahpun mansuh oleh kerana pindaan ini, itu di bawah Seksyen 17. Perkara ini timbul pula di tempat lain seumpamanya di bawah Seksyen 454 Ordinan ini. Jadi, nampaknya bercanggah perkara yang seperti ini. Dari segi Undang-undang rasa saya itu tidak betul, ini mungkin oleh kerana undang-undang ini panjang, rumit mungkin kita tidak nampak. Saya harap perkara ini dapat dibetulkan.

Itulah sebabnya saya katakan tadi jika kita kaji semula, kita adakan satu undang-undang baru yang betul-betul memberi isi kepada kita kerana undang-undang tahun 1952 ini banyak meniru undang-undang British yang telahpun diluluskan, kalau tidak salah saya pada tahun 1894 di bawah Merchant Shipping Act, 1894 (Inggeris). Ini sudah tentu ada peredaran zaman, perkara-perkara yang sudah menjadi lapuk patut dibetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar akan hasrat Kerajaan hendak membanyakkan lagi pengusaha-pengusaha kita memainkan peranan di dalam perkapalan pantai atau coastal shipping. Itu satu tujuan yang baik kerana memang banyak peluang-peluang perniagaan dijalankan oleh orang-orang yang bukan warganegara.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebabnya negara kita tidak boleh menjadi salah satu negara yang boleh maju dalam dunia perkapalan. Kita mempunyai lautan, kita berhak pergi ke ceruk mana dan tidak ada sebabnya yang kita tidak boleh berbuat demikian. Permulaan sudahpun dibuat iaitu menerusi syarikat perkapalan negara kita iaitu MISC tetapi itu hanya sedikit sahaja. Banyak lagi yang boleh dibuat. Tiap-tiap kali saya pergi ke luar negeri berjumpa dengan ahli-ahli perniagaan di luar negeri, Dewan-dewan Perniagaan, bila masalah berkenaan dengan perniagaan ataupun perdagangan di antara Malaysia dengan negeri itu timbul, masaalah yang dikemukakan kepada saya ialah masaalah shipping, masaalah perkapalan. Bagaimanakah kita hendak menghantar barang-barang kita ke negeri itu. Baru-baru ini saya berada di Morocco dan saya berbincang dengan ahli-ahli perniagaan di sana dan mereka mengatakan: "kami suka beli barang-barang Malaysia tetapi kami tidak bersetuju membeli melalui Peranchis". Inilah apa yang berlaku. Barang-barang kita dihantarkan dengan kapal pergi ke Peranchis dan daripada Peranchis mengikut kapal Peranchis baru pergi ke Morocco. Masaalah yang sama juga dikemukakan kepada saya bila saya berada di negara Teluk Parsi—di Kuwait, Bahrain. Perkara yang sama juga ditimbulkan. Ini menunjukkan peluang-peluang perniagaan dari segi perkapalan memang banyak terbuka bagi negara kita dan saya tidak tahu, saya tidak nampak kenapa kita tidak boleh menjalankan satu perkhidmatan perkapalan saudagar yang baik. Mungkin sekarang ini kita tidak mempunyai kakitangan yang

terlatih. Kalau kita tidak ada kakitangan, kita memberi latihan.

Saya suka mengesyorkan patut kita adakan sebuah sekolah latihan khusus untuk perkapalan saudagar atau merchant shipping kerana peluang seperti saya katakan tadi memang banyak. Buat permulaannya kita boleh mengadakan penuntut-penuntut dalam jurusan perkapalan saudagar mungkin untuk kapal-kapal kecil yang pergi di antara pelabuhan-pelabuhan di negara kita; sedikit demi sedikit kita akan maju lagi dan kita boleh pergi ke mana-mana pelabuhan di dunia ini. Saya harap syor ini dapat perhatian serius daripada pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya satu perkara lagi berkenaan dengan pindaan kepada Undang-undang Perkapalan Saudagar, 1972 berkenaan dengan keanggotaan Lembaga di bawah Bahagian IIB yang baru Seksyen 65 (b) (2). Ini berkenaan dengan Domestic Shipping Licensing Board. Di sini nampaknya anggota yang akan duduk dalam Lembaga yang akan dilantik oleh Yang Berhormat Menteri termasuk seorang Pengerusi yang menjadi Ketua Setiausaha Kementerian Perhubungan sebagaimana berikut:

- “65 (2) (a) A Chairman who shall be the Secretary General of the Ministry of Communications.
- (b) The Director of Marine West Malaysia or his representative.
- (c) The Director General of Royal Customs and Excise or his representative.
- (d) The Secretary General of the Ministry of Trade and Industry or his representative.
- (e) Not more than 4 other persons who have had experience and have shown capacity in matters relating to shipping.”

Perkara yang saya hendak bertanya di sini ialah kenapa kita tidak masukkan seorang daripada Malaysia Timur kerana Undang-undang ini sekarang sudah diluaskan ke Sabah dan Sarawak dan setahu saya di Sabah dan Sarawak banyak juga kapal-kapal yang digelarkan kapal-kapal pantai (coastal shipping) dan patut sangat kalau kita luaskan Undang-undang ini ke Sabah dan Sarawak, patut sangat kita ada seorang yang datang daripada Malaysia Timur yang duduk dalam

Lembaga ini. Kalau tidak, rasa saya sahabat kita daripada Malaysia Timur akan berasa kecil hati sedikit. Saya harap pihak Kerajaan boleh menimbangkan supaya seorang daripada Malaysia Timur terutama daripada pegawai Kerajaan di sana dapat duduk di dalam Lembaga ini. Inilah pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini dan saya menyokongnya.

5.30 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini. Kita tahu negara kita Malaysia adalah negara yang dikatakan berasal dari Gugusan Pulau-pulau dan Semenanjung. Pada masa dahulu Gugusan Pulau-pulau Melayu, baik rakyatnya dan negaranya adalah memang sangat pandai dalam hal pelayaran. Orang Melayu pada zaman dahulu adalah termasyhur belayar daripada satu pulau ke satu pulau, daripada satu tempat ke satu tempat.

Pada hari ini orang-orang Malaysia daripada keturunan China memang pandai juga belayar daripada negeri China beribu-ribu batu datang ke sini. Orang-orang India juga belayar beribu-ribu batu datang ke sini dan mereka menjadi kelasi kapal seperti orang-orang Melayu dan lain-lain. Dengan sebab itu, kedudukan negara kita samada orang Melayu, China dan India memang layak menjadi kelasi-kelasi kapal dan pemandu-pemandu kapal.

Keduanya, negara ini penuh dengan hasil buminya bukan sahaja hasil-hasil yang kita nampak iaitu di Tanah Melayu, di Sabah dan Sarawak penuh dengan pokok-pokok kayu atau hutan balak, kaya buminya dengan kelapa sawit, getah dan di dalam buminya penuh dengan bijih dan juga saya dapat tahu Trengganu akan mengeluarkan minyak yang banyak sekali, second to none daripada North Sea. Negeri kita akan menjadi sebuah negeri yang cukup kaya dengan minyak, bijih, kayu-kayan, kelapa sawit dan lain-lain. Jadi kita mesti fikirkan berkenaan dengan pengangkutan sekarang ini.

Apa yang dikatakan oleh saudara saya yang baru bercakap tadi iaitu Undang-undang yang akan dijalankan ini memanglah saya sokong dengan sepenuhnya, oleh kerana dengan adanya Rang Undang-undang ini, kekayaan negara kita boleh dibawa oleh kapal-kapal kita sendiri yang dipunyai oleh warganegara. Pada masa dahulu, kapal-kapal

itu adalah dipunyai oleh bukan warganegara, umpamanya orang-orang daripada Hongkong, Britain, Australia, Jepun dan sebagainya. Tetapi dengan adanya Rang Undang-undang ini maka terbukalah selera orang-orang Malaysia terutama sekali orang-orang Melayu dan bumiputra untuk masuk berkecimpung dalam bidang perkapalan. Dan di sini terdapat di dalam Jadual (Seksyen 3) Part IIA mengenai principal place of business atau tempat pusat membuat perniagaan.

Pada masa dahulu pusat register kapal Malaysia ialah di Singapura dan di Hongkong. Yang kaya orang Singapura, orang Hongkong, orang di London dan sebagainya. Pada hari ini hendaklah pusatnya di Port Kelang atau di Kuala Lumpur atau Johor Bharu. Dengan itu barulah dikatakan negara ini betul-betul merdeka dan berdaulat di mana iktisad dipegang oleh orang Malaysia, bukan kita kata negeri ini merdeka tetapi iktisadnya dipegang oleh orang lain. Itu namanya merdeka kosong.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya menyokong mengenai majority shares, yang kebanyakan sahamnya mestilah dipegang oleh orang Malaysia—tidak ada trust kepada orang lain, tidak dibenarkan. Kalau tidak ada majority shares yang banyak dipegang oleh orang Malaysia, akhirnya keuntungan perkapalan itu akan pergi kepada orang luar dan suara kita tidak ada gunanya dalam syarikat perkapalan itu. Dengan sebab itu, saya sokong sepenuhnya.

Ketiganya, 3/5 daripada pengarah-pengarahnya mestilah orang Malaysia. Sepatutnya tak usah langsung diambil dari orang luar, lebih baik orang kita semuanya. Apa gunanya ditetapkan begitu? Orang Malaysia pun ada berduit untuk membeli saham kapal ini, tak payah orang asing menjadi pengarah. Jadi pengarah bukan berkehendakkan dia mesti jadi kelasi kapal, pemandu kapal, kapten kapal, itu tak diperlukan. Orang Malaysia yang ada duit, dia boleh jadi pengarah, kalau dipilih oleh ramai daripada share holders. Apa gunanya 3/5 sahaja dan 2/5 mesti orang-orang lain. Kita hendak jaga iktisad kita. Mengapa hendak diberi hasil negeri ini kepada orang lain? Apa muslihatnya? Apa yang kita tak pandai? Kalau dikatakan buat kapal, buat kapal terbang, itu saya akui. Tetapi untuk menjadi pengarahnya, tak sanggupkah orang Malaysia? Saya ingat banyak yang sanggup. Yang Berhormat saudara saya sanggup

menjadi pengarah dan banyak lagi yang lain-lain. Sungguhpun begitu, saya harap Menteri yang bertanggungjawab akan memikirkan perkara ini. Kalau boleh, dipinda, janganlah dipakai 3/5 ini. Ini adalah menghairankan kami, mendukacitakan kami.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak kapal kita berlabuh di tempat yang baik, kita mesti ada pelabuhan yang bagus. Saya bercakap ini bukan terkeluar daripada Rang Undang-undang ini, tetapi ada berkaitan juga. Kalau ada kapal, pelabuhannya tak ada bagaimana? Kalau ada pelabuhan, facilities tak ada. Kalau ada facilities, orangnya tak ada. Kalau ada facilities, Kastam lambat-lambat kerjanya. Pekerja-pekerja lambat. Macam mana buat syarikat perkapalan, tetapi kapal tak boleh berjalan dengan baik. Orang tak akan datang ke pelabuhan kita. Orang akan pergi ke tempat lain. Katanya, kastam leceh sangat. Pekerja-pekerja tak begitu cekap, facilities tak elok, lain daripada Singapura. Sebab itulah banyak daripada Johor, Melaka dan lain-lain pergi ke Singapura. Apa sebab? Sebab facilities adalah bagus, baik sekali. Di dalam dunia perniagaan dan perusahaan, mereka tak kira apa sahaja, mereka berkehendakkan lekas, cepat dan keuntungan. Ini dalam dunia perniagaan. Kalau pelabuhannya tidak ada facilities, siapa hendak hantar cargo? Bagaimanapun, saya memikirkan, kita mesti pergi menerusi pelabuhan Malaysia dan kapal Malaysia. Kalau kapal Malaysia empat hari, empat malam tak sampai ke Singapura, siapa hendak naik kapal Malaysia? Dengan sebab itu kapal Malaysia mestilah kapal yang baik-baik. Saya pun berkehendakkan perkara seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keanggotaan Lembaga Pengarah hendaklah juga dilantik seorang dari Sabah dan Sarawak yang terdiri dari pegawai Kerajaan seperti mana yang disyorkan oleh Senator Kamarul Ariffin tadi. Saya bersetuju dengan pendapatnya dan apabila dilantik jangan dipilih orang itu juga. Oleh kerana ia banyak menderma, maka orang itu dilantik jadi Ahli dalam Jawatankuasa Pelesenan. Sebab apa? Sebab dia banyak duit dan dia boleh derma. Umpamanya seperti Jawatankuasa Pelabuhan Kelang. Saya hendakkan supaya orang yang betul-betul ada taraf duduk dalam Jawatankuasa itu. Umpamanya ahli dari Malay Chamber of Commerce, Chinese Chamber of Commerce, Indian Chamber of Commerce atau Malaysian Chamber of Commerce.

Inilah yang dikehendaki. Sebab barang-barang daripada Chambers of Commerce inilah yang akan masuk ke dalam kapal itu. Kalau tak ada sokongan dari mereka apa gunanya kapal yang beratnya 1,000 ton atau 100,000 ton, kalau tak ada barang. Kita tengok banyak kapal-kapal yang tidak belayar, ada kelasi, tak ada barang. Dengan sebab itu, kita berkehendakkan di dalam Jawatankuasa Pelesenan ini mestilah ada Jawatankuasa yang betul-betul boleh menjalankan tugas.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi berkenaan dengan Malaysian International Shipping Corporation (MISC). Namanya, national shipping. Perkara ini saya selalu bongkar dan diharap diambil perhatian yang berat atas perkara ini. Share holders syarikat MISC dari Hongkong. Apa sebabnya? Tak adakah orang Malaysia lagi? Bagaimana puncanya orang Hongkong boleh menjadi share holders dalam national shipping kita? Saya fikir ajaib. Ajaibnya orang Malaysia tertinggal langsung, orang lain masuk jadi pengarah national shipping. Ada juga orang perseorangan yang dilantik dalam syarikat ini, apa sebabnya? Sebabnya kerana tidak ada dipanggil daripada Chambers of Commerce dan lain-lain duduk dalam perbadanan perkapalan ini. Ini adalah national shipping. Dijawab oleh Menteri, bukan Menteri ini, katanya mereka pandai bawa kapal, orang-orang Hongkong ini ada experience kapal. Adakah pemodal-pemodal yang menaruh modal itu mereka ada experience dalam menjalankan kapal? Saya ingat jawapan yang begini untuk dijawab sahaja, untuk menyedapkan hati kami semua. Bila saya bercakap dan Ahli-ahli lain bercakap, maka dijawab sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam dunia perniagaan perkapalan bukan kita hendak sebuah kapal. Kita hendak 10 buah kapal untuk expansion sesebuah syarikat itu, sebab banyak barang-barang kita hendak diangkut. Sebagaimana Yang Berhormat rakan saya tadi berkata di Algeria hendak kapal, di Morocco hendak kapal, di Kuwait hendak kapal dan lain-lain tempat hendak kapal. Satu kapal boleh? Sebuah kapal terbang DC-10 bolehkah bawa semua orang ke Mekah? Tentu tak boleh bukan. Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim Yaacob menganggok, apa yang saya kata adalah benar katanya. (*Ketawa*). Tentulah kita hendakkan expansion. Apabila hendak expansion berkehendakkan modal lebih, apa dibuat? Pinjaman. Siapa yang menjamin?

Pinjaman ini mestilah dijamin oleh Kerajaan Malaysia ini. Tengok balik, betul atau tidak? Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan Malaysia ini pula hendak menjamin saham MISC, saham orang Hongkong, negara kita terpaksa menjamin? Semua kita hendak jamin, kerana individual tadi dan juga orang-orang daripada Hongkong, sebab Kerajaan itu siapa? Kerajaan itu ialah kita semua, kita semua yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perkara ini mestilah kita tengok baik-baik. Perkara ini saya sudah bercakap juga tetapi dijawab begini. Pada hari ini saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri tengokkan, kalau tidak dapat dijawab pun tidak usah dijawab, tidak apa hal saya bukan hendak dijawab sangat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu oleh kerana di dalam dasar Kerajaan—ini bukan kritik—dasar Kerajaan ini bukan dasar main-main, dasar Kerajaan ini bukan dasar supaya kita dengar macam muzik, peti nyanyi ataupun talivisyen kita dengar, sedap, habis itu hilang—tidak. Dasar Kerajaan mengatakan bukan kita hendak menuntut apa-apa, tidak, ini adalah dasar 30% hak bumiputra. Ini, Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkapalan ini, saya hendak menengok juga, iaitu dasar ini dijalankan sebenar-benarnya oleh kerana ini Dasar Ekonomi Baru yang dikatakan oleh saudara saya tadi. Dasar Ekonomi Baru inilah mesti dijalankan di dalam perkapalan-perkapalan yang akan dikeluarkan lesen pada hari yang akan datang.

Saya tidaklah hendak bercakap panjang, cuma saya berdoa kepada Tuhan moga-moga maju dan berjaya dan memberi keuntungan kepada semua pihak. Tidak usahlah Yang Berhormat Timbalan Menteri khuatir, sebab saya memang menyokong dengan sepenuhnya, cuma yang saya cakap ini adalah kritik-kritik untuk membina.

5.53 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sama juga dengan rakan-rakan saya yang lain memberikan sokongan penuh atas Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini, tetapi saya cuba hendak membuat komentar yang berlainan sedikit, mudah-mudahan dapat perhatian Timbalan Menteri yang bijaksana ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan pandangan bahawa ini satu kemajuan yang telah dibuat oleh Kementerian ini, bahawa kapal-kapal yang diusahakan oleh warganegara Malaysia, yang dipunyai oleh warganegara Malaysia yang akan didaftarkan oleh Lembaga ini yang memberi khidmatnya dalam kawasan pantai, tidakkah boleh Kementerian ini memikirkan bahawa warganegara Malaysia samada perseorangan ataupun secara bersyarikat mengusahakan perkapalan ini yang boleh memberi khidmatnya yang bertaraf antarabangsa yang lebih jauh. Sebab pada masa sekarang bahan-bahan pengangkutan kita dari Malaysia ini hanya dimonopoli oleh Syarikat Kebangsaan Perkapalan Antarabangsa Malaysia iaitu MISC hanya 20%, yang lain kita tidak berhak. Saya minta Kementerian ini memberikan kelonggaran, kalau syarikat bumiputra itu membuat usaha dalam pengangkutan perkapalan ini yang bertaraf antarabangsa, boleh belayar di laut antarabangsa, boleh mengangkut barang-barangnya, bolehkah atau tidak Lembaga ini mendaftarkan dan memberi bendera Malaysia, samada kapal yang dibuat itu dipunyainya sendiri atau dipajak (lease) sebab mungkin juga rakyat Malaysia tidak berupaya hendak membeli kapal yang bermillion-million ringgit ini, dipajak sebuah kapal 99 tahun ataupun 60 tahun kapal itu kepunyaan syarikat itu. Bolehkah atau tidak Lembaga ini mendaftarkan supaya dia menjalankan perkhidmatannya di laut antarabangsa.

Menurut pandangan saya yang cetek ini, Tuan Yang di-Pertua, Bangsa-bangsa Bersatu memberi peluang kalau ada perkapalan warganegara itu dia boleh mengangkut barang-barang warganegaranya 40% ke negeri yang dia singgah dan barang daripada negeri itu dia boleh angkut, boleh punggah sebanyak 40% juga. Peluang ini sangat baik kepada syarikat-syarikat perkapalan warganegara kita dalam negeri ini khasnya yang ada bercampur dengan bumiputra sebab bumiputra ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak payah cakap, saudara saya sudah bercakap; orang bumiputra ini memang biasa belayar sampai ke Madagascar sana dia pergi bawa bahan-bahan. Jadi semangat ini Kementerian ini tidak ada memberi galakan kepada warganegara ini mempunyai pengangkutan kapal yang boleh mengangkut yang bertaraf laut antarabangsa, hanya yang diberikannya kepada syarikat ini. Syarikat ini, komen saya lain, patut Kerajaan mengkaji balik, kenapa dimonopoli oleh satu golongan sahaja iaitu

yang disebut Kuok Brothers. Dia sahaja yang menguasai syarikat ini dan menguasai Kerajaan; Kerajaan tanam modal tetapi Kerajaan kena menurut telunjuknya. Baru-baru ini telah menempah satu kapal kerana mengangkut bahan-bahan minyak daripada Sarawak tidak kurang daripada \$1.7 billion, harga kapal yang hendak dibeli kerana hendak mengangkut minyak daripada Sarawak, daripada Sibul kalau tidak salah. Kapal yang hendak dibeli ini sekarang diberi jaminan oleh Kerajaan dan begitu juga badan-badan yang lain. Kiranya usaha ini rugi, siapa yang tanggung—ialah siapa yang jamin sebagaimana kata Yang Berhormat tadi. Kerajaan Malaysia jamin, Robert Kuok lepas tangan. Jadi, saya kena menyebutkan hal ini, Tuan Yang di-Pertua, sebab perkara ini perkara yang besar, kita tidak mahu dimonopoli oleh satu dua orang, satu dua keluarga.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kementerian ini dapat menimbangkan pandangan-pandangan saya dan saya membuat satu komen iaitu pihak yang berkenaan hendaklah mengkaji dan menimbangkan supaya kapal-kapal dagang yang saya sebutkan tadi yang dibuat oleh bumiputra supaya dapat didaftarkan dan dipasangkan bendera Malaysia. Kalau tidak diluluskan oleh Lembaga ini, bendera Malaysia tidak akan dapat dinaikkan kepada kapal itu. Bila tidak dinaikkan kepada kapal itu orang negeri luar tidak akan dapat menerima bahawa kapal ini kapal Malaysia. Padahal yang dipunggah barang-barang Malaysia, kapalnya tidak pakai bendera Malaysia, pakai bendera British, pakai bendera Jepun, pakai bendera Belanda tetapi barang yang diangkut barang Malaysia fasal kita tidak didaftarkan dan tidak ada bendera Malaysia. Jadi dengan sebab itu negeri-negeri yang lain sebagaimana kata Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin tadi banyak negeri-negeri hendak beri bahan-bahannya hendak dipunggah tetapi kapal tidak ada. Keadaan yang macam ini kalau diluaskan maka usaha yang menguntungkan ini bukan untungnya kepada negara, untungnya kepada rakyat negeri ini juga.

Yang kedua, kelonggaran yang saya maksudkan ini tidak akan menimbulkan persoalan kepada kapal-kapal yang telah dipunyai oleh warganegara dan syarikat tempatan dalam perdagangan pantai kerana Lembaga yang akan ditubuhkan itu boleh mengawasi perdagangan dan menentukan sebanyak-banyak kapal.

Yang ketiga, Kerajaan hendaklah memberikan galakan yang setanding dengan galakan-galakan yang diberi oleh negara-negara lain dalam bidang perkapalan antarabangsa supaya Malaysia berhak boleh mengangkut barang-barang.

5.59 *ptg.*

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf sebab banyak kawan-kawan saya bila saya berdiri, memandang dengan pandangan yang bermakna tetapi biarlah mereka pandang dan dengar apa yang saya ucapkan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan kerana sudah sihat dan kembali ke tanahair dan saya rasa pada hari ini beliaulah yang patut mengemukakan Bil ini. Tetapi walau bagaimanapun, saya menghargai dan menghormati kerana tidak kurang nilainya kalau Timbalan Menterinya yang mengemukakan Rang Undang-undang dalam Dewan ini.

Oleh sebab lama tidak berjumpa datang rindu dan apabila Bil ini dikemukakan maka hilanglah kesunyian saya selama ini dan dapat mendengar khabar atas kesihatan dirinya.

Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang yang dibuat masih dalam naskah Inggeris. Sepanjang yang saya tahu dan kalau tidak silap sebarang Rang Undang-undang yang dibentangkan ke dalam Dewan ini yang menjadi naskah sah mestilah dalam Bahasa Malaysia dan kalau pindaannya, maka pindaan itu juga perlu dengan Bahasa Malaysia. Kalau sebarang rujukan berlainan pendapat di antara dua naskah maka kita rujuk semula kepada naskah Inggeris dan ini ketetapan yang dibuat oleh Dewan Negara dan Kerajaan kita. Saya tahu Undang-undang Perkapalan ini masih belum diterjemahkan yang mempunyai sebanyak 531 Seksyen dan mengandungi 13 Jadual yang hampir-hampir sama tebalnya dengan buku-buku yang ada di Dewan ini. Kalau itu sebabnya maka timbullah kelemahan dari alat negara kita sendiri dan pihak yang bertanggungjawab yang mengeluarkan dan mengemukakan Rang Undang-undang ini. Saya amat berterima kasih jikalau ucapan saya dapat didengar oleh Menteri Undang-undang kita.

Tuan Yang di-Pertua, Bil ini sudah saya baca dan saya tengok, pada hakikatnya tidak berat bagi meluluskannya. Ianya merupakan

satu perkembangan baru bagi membolehkan kapal-kapal tertakluk kepada pendaftaran di negara kita dengan berlindung di bawah bendera Malaysia dan kalau pandang sekali imbas ini memberikan satu perlindungan kepada rakyat Malaysia membolehkan ia membuka, menubuh syarikat perkapalan saudagar. Akan tetapi kelicinan ahli-ahli perniagaan antarabangsa lebih-lebih lagi orang yang kaya yang mempunyai kewangan yang tegap, dia boleh membeli dan menyorokkan, akan diambil beberapa orang tycoon di dalam negara kita ini yang berangan-angan menjadi Aristotle Onassis yang akan dijadikan alat dan dilantiknya menjadi Pengarah dengan kehebatan rupa bentuk, keadaan dan kedudukan. Gejala-gejala ini mengambil peluang daripada Undang-undang ini. Racun bermain di dalam santan, rakyat biasa akan tinggal dalam keadaan biasa. Kalau itu maksudnya, Kerajaan bahkan rakyat yakin itu maksudnya. Maksudnya yang pertama ialah memberi kemudahan kepada syarikat perkapalan saudagar membolehkannya didaftar dalam negara ini. Akan tetapi saya merayu perkara ini akan menjadi satu pertimbangan Kerajaan yang khusus. Saya tidak hendak mengulangi ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik dalam masalah MISC dan itu satu gambaran yang jelas bagaimana rakyat luar negeri menguasai dalam bidang perkapalan negara kita. Saya amat menyokong cadangan sahabat saya Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin menubuhkan persekolahan perkapalan saudagar kerana dalam Undang-undang inipun telah dinyatakan kapal yang berat 15 tan ke atas sahaja baharu boleh didaftarkan. Apa salahnya langkah ini diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri-menteri sebelum Bil ini dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar daripada pengalaman yang kita dengar bahawa negara-negara Afrika Utara, negara-negara Islam yang kaya di Afrika, di Asia Barat dan di Teluk Farsi suka berhubung dengan kita dalam perniagaan tetapi malangnya kapal tidak ada. Saya suka bertanya kepada Kerajaan apa akan jadi kalau sekiranya semua kapal didaftarkan di dalam negara ini berlindung di bawah bendera Malaysia tetapi tidak punya keupayaan yang lebih dalam usaha ini, bukankah itu akan mengurangkan pengeluaran negara.

Saya fikir tidak begitu banyak bezanya dalam istilah tetapi dalam makna bolehlah

ditafsirkan berbagai-bagai perkara. Saya berharap kepada Kerajaan dengan lulusnya Rang Undang-undang ini pihak yang bertanggung-jawab harus membentuk, menganjur, dan berunding dengan rakyat yang ada dalam negeri ini samada orang Melayu, orang Tionghua, orang India supaya mengambil bahagian bersama dan Kerajaan menjadi pemandu (guide).

Tuan Yang di-Pertua, dari apa yang saya cakapkan tidaklah akan berlaku walaupun orang-orang yang mempunyai wang di negara kita akan menguasai perkapalan saudagar ini kelak yang menjadi satu kuasa yang boleh melemahkan Kerajaan. Banyak negara yang bersikap begitu, di Amerika rakyatnya berbilang bangsa, berbilang kaum suka berdamai dengan negara Arab. Tetapi tekanan capitalis Yahudi yang bersalurkan bangsa Amerika menekan perdamaian ini.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau kita fikirkan ini satu perkara yang berkebijakan hendaklah Yang Berhormat Menteri dan Kerajaan berfikir apa gejala-gejala yang boleh timbul daripada apa yang kita buat dan gejala-gejala itulah yang saya mahu Kerajaan menimbangkan dengan halusnya.

Saya fikir cukuplah saya mengingatkan Kerajaan dan juga yang kedua menjawab pandangan kawan-kawan saya. Jadi, saya berdoa mudah-mudahan ingatan ini ada dalam timbangan yang serius dan saya dengan sepenuh hati menyokong Bill ini dan berharap mendapat kejayaan akhirnya.

6.11 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bill ini kerana pada pendapat saya telah banyak kita meluluskan Bill-bill yang berkenaan dengan Perbadanan-perbadanan Kerajaan untuk menjalankan tugasnya di negara ini. Apabila saya baca Bill ini saya dapati pindaan dalam Bill ini sangatlah baik kerana saya lihat beberapa fasal dalam Bill ini sangat kemas bagi menjaga kepentingan anak negeri di sini. Umpamanya, dalam JADUAL (Seksyen 3) PART IIA—Pendaftaran kapal-kapal ini ditentukan macam dipanggil domestic shipping berserta dengan takrif dan syaratnya. Maknanya, kalau hendak kata domestic shipping, kompeni kapal itu mestilah anak negeri di sini dan sahamnya mesti dipegang sejumlah besarnya oleh anak negeri di sini, kemudian syarikat itu mesti betul-betul genuine local company—

genuine domestic company dan tidak sebagaimana perkara lain. Ini saya rasa satu Undang-undang yang sangat baik bagi menjamin supaya tidak ada penyelewengan daripada pihak swasta dalam menggunakan protection yang diberikan oleh Kerajaan kepada mereka.

Saya sokong fasal ini kerana saya perhatikan seperti dalam syarikat-syarikat insuran, kita ada Local Insurance Companies. Kerajaan kata domestic company, tetapi sahamnya dipegang oleh anak negeri ini cuma 10%, 20%, 30% yang 70% dan 80% lagi dipegang oleh orang luar negeri. Apabila 70%-80% dipegang oleh orang luar negeri bermakna kuasa mengkontrol atau menjalankan syarikat itu ialah duduk di luar negeri cuma dia mendapat perlindungan daripada Kerajaan kita. Saya cuba hendak tunjukkan kepada Dewan ini ada lima syarikat insuran di Malaysia ini yang kononnya menyambut seruan Kerajaan. Saya gunakan perkataan kononnya, maknanya satu penyelewengan dari segi swasta. Bila Kerajaan kata kompeni-kompeni insuran yang ada cawangannya di Malaysia ini hendaklah ditukarkan menjadi domestic company ataupun menjadi local company, maka kompeni-kompeni inipun menukarlah namanya tetapi berapa saham anak negeri? Saya cuba tunjukkan di sini umpamanya, satu kompeni namanya Guardian Royal Exchange, dia kata sudah ditukar menjadi domestic company, tetapi saham yang dipegang oleh anak negeri cuma 10% sahaja dan 90% dipegang oleh orang luar negeri.

Satu kompeni lagi namanya Royal Insurance pun dikatakan domestic juga, tetapi 30% sahaja sahamnya dipegang oleh anak negeri di sini dan 70% lagi dipegang oleh orang luar negeri. Boustead Holdings dan Timur Holdings anak negeri mempunyai saham 30% dan Malaysia Nippon, ini kompeni Jepun, sahamnya cuma 25% sahaja dipegang oleh anak negeri manakala 75% dipegang oleh orang Jepun di negerinya iaitu dipegang oleh Nippon Fire. Lagi satu kompeni namanya People's Insurance, maknanya Insuran Rakyat Malaysia—molek namanya, tetapi berapa banyak sahamnya yang dipegang oleh anak negeri? Cuma 10% sahaja yang 90% dipegang oleh orang luar negeri. Kemudian kesemua perniagaan yang disebut dalam negeri ini bila sudah jadi domestic dia boleh berebut dan bertanding dengan genuine local insurance dan genuine

company itu terpaksa bersaing dan orang-orang ini merebut peluang-peluang perniagaan dan juga peluang perniagaan itu keuntungannya dapat pada dia dan keuntungannya itu balik ke negeri asalnya, kalau England, Englandlah, kalau Amerika, Amerikalah dan kalau Jepun, Jepunlah. Apabila hendak buat investment kena minta kebenaran daripada London, Tokyo dan New York. Kalau New York kata tidak boleh invest di Malaysia, duit itu balik ke New York, Jepun atau London. Ini bukan genuine domestic company atau bukan asli atau bukan kompeni betul. Kalau bukan betul macam mana Kerajaan kita boleh memberi certificate dan memberi akuan menyatakan ini domestic company. Jadi kita ini macam kena ponteng oleh mereka kerana Kerajaan kita dipermainkan oleh mereka ini daripada luar.

Itulah sebabnya saya kata undang-undang ini sangat baik dan saya minta Yang Berhormat Menteri Undang-undang contohilah undang-undang ini kepada kompeni insuran supaya jadi genuine domestic bagi kompeni-kompeni insuran ini. Kalau tidak lebih baik kita jangan beri certificate, jangan kita beri pengakuan genuine. Banyak lagi kompeni-kompeni insuran ini akan menukarkan namanya dan dipanggil domestic, ini baru lima ada sepuluh lagi barangkali menunggu hendak tukarkan nama. Tujuannya hendak merebut kekayaan negeri kita ini untuk dibawa balik ke negerinya untuk bersaing dengan genuine local company.

Ini saya rasa Dewan ini patutlah mengambil pandangan berat. Dalam Undang-undang ini ada syarat yang kuat kalau sekiranya seorang itu ada interest yang berkenaan tidak boleh jadi halangan board. Undang-undang ini baik yang patut dicontohi sebab sekiranya perbadanan lain tidak sebut begitu kuat, umpamanya, kita kata TDC (Tourist Development Corporation) barangkali ada conflict of interest. Mereka yang memegang TDC itu ada conflict of interest. Maknanya ada interest yang bersangkutan-paut dengan perniagaan yang dijalankan itu. Kita tidak mahu ada conflict of interest. Kalau Kerajaan kita hendak bersih hapuskan conflict of interest ini, baru kita boleh ada satu clean government dalam Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah orang kata Dewan Negara ini menjadi operation theatre. Biarlah kita jadikan bilik pembedahan bagi perkara-perkara seumpama ini supaya kita

bincangkan, kita dedah, kita mengambil tahu. Biarlah wakil dari Melaka kata saya ini tukang korek dan tukang buka rahsia. Saya terimalah, kerana kalau tidak ada tukang korek, tukang buka rahsia, tukang belah maka penyakit akan merebak, penyakit tidak akan sembuh. Ada penyakit boleh diubat dengan baik tetapi ada penyakit mesti di-belah. Kita jadikan meja kita ini meja pembedahan penyakit-penyakit negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa banyak orang bercakap mengatakan kenapa kita tidak buka company kapal. Apabila kita bercakap fasal kapal, semua orang kata fasal apa bumiputra tidak berniaga kapal. Buat kapal besar-besar berniaga di peringkat international pergi ke sana-sini. Saya rasa bukan senang, kalau hendak berniaga kapal dengan tidak kena caranya akan lingkup dalam laut. Kapal ini satu perniagaan yang bukan senang, yang bukan kecil dan bukan mudah hendak ditadbirkan. Pada fahaman saya kerana susah itulah MISC ditubuhkan dengan cara yang seumpama itu. Ahli perniagaan yang bijak tahu kalau hendak menjalankan perniagaan kapal memang susah. Oleh kerana susah dia kena cari jalan bagaimana caranya, cara yang baik ialah dengan bercakap baik-baik dengan pemimpin negara kita, dapatkan protection yang kuat, dapatkan sokongan yang baik maka dapatlah Kerajaan beri surat—awak tubuhkanlah syarikat perkapalan ini. Dengan surat itu tidak payah pergi ke mana lagi, terbang sahaja ke Hong Kong, bawa modal daripada Hong Kong tubuhkan sebuah Syarikat perkapalan antarabangsa. Bila dapat surat kelulusan Kerajaan, itu sahaja sudah berharga bermillion-million ringgit. Apabila dapat surat itu terbang ke Hong Kong, bawa balik ke mari tubuhkan syarikat perkapalan dan dapatkan segala protection untuk menjalankan syarikat itu walaupun modal tidak berapa banyak dalam poket kerana jaminan (protection) telah ada pada pihak Kerajaan. Apabila Kerajaan kata—kita perbesarkan sebab national shipping ini hendak dijadikan sebuah badan perkapalan kebangsaan yang tunggal yang diberi perlindungan dan dijadikan betul-betul nasional. Bagi pihak orang yang menganjurkan ini, kerana wang tidak cukup, dia minta Kerajaan masukkan modal dahulu. Syarikat perkapalan itu dia jalankan dengan modal Kerajaan, keuntungannya dia dapat, segala kemudahan-kemudahan atau management dalam syarikat itu dia pegang.

Tuan Yang di-Pertua, satu syarikat perkapalan banyak branch atau pecahnya. Ada yang bersangkutan-paut dengan makanan, pengangkutan, buruh, mencuci kapal, mengecat kapal—itu semua perniagaan. Satu syarikat perkapalan itu banyak pecahan perniagaan yang boleh dibahagi-bahagi kepada orang ramai untuk mencari makan. Kita mahu tahu adakah syarikat yang digelar syarikat perkapalan kebangsaan betul-betul telah dijalankan sesuai dengan kehendak Kerajaan bagi faedah bumiputra yang boleh mengambil bahagian sama sekurang-kurangnya untuk mengecat kapal, supply makanan, atau supply alat-alatan. Hanya pihak Kementerian sahaja yang boleh memberi pandangan kepada kita tentang apa yang sebenarnya berlaku dalam syarikat ini. Saya tidak mahu sentuh banyak sebab saya tidak ada kenyataan (fact) yang boleh saya kemukakan di sini. Tidak payah sentuh benda dalam, tetapi saya rasa banyak perkara yang berlaku di dalam kita dengar yang kita tidak mempunyai kenyataan yang teratur dan Kerajaan barangkali mustahak mengambil tahu dengan tegas untuk memperbaiki keadaan yang berlaku itu. Saya faham Kerajaan sedang memasukkan modal untuk mengambil tanggungjawab yang lebih dalam MISC. Tetapi sejauh mana Kerajaan dapat memperbetulkan syarikat ini, saya tidaklah dapat memberi kenyataan yang jelas di sini. Saya rasa perlulah perkara yang seumpama ini diambil berat oleh Kerajaan dengan sungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak sentuh sedikit berkenaan dengan impot-ekspot.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Perdagangan dan Perindustrian kita berkata sudah sampailah masanya untuk orang Melayu mengambil bahagian di dalam bidang impot-ekspot. Perkara ini sudah menjadi gesaan yang kuat daripada Kementerian Perdagangan. Cakap—suruh, senang! Serupalah pada tahun 1974 bila diseru supaya orang Melayu masuk dalam lapangan perdagangan, ramai orang masuk dalam la-

pangan perdagangan. Tiga tahun kemudian separuh ranap, separuhnyanya lagi bergoyang tidak tahu kemana hendak pergi. Hari ini kita tengok, mereka terhuyung-huyung tidak tahu ke mana hendak dibawa. Inilah masalahnya, apabila kita bercakap berkenaan dengan impot-ekspot, kita terpaksa sentuh berkenaan dengan tempat dalam kapal (shipping space). Adakah cukup shipping space bagi kita. Syarikat Perkapalan Kebangsaan kita sudah terikat dengan Persatuan Perkapalan yang ada. Itupun kita sudah silap. Kita pergi ikat diri kita dengan satu badan yang memeras dalam harga, dalam cara mengeluarkan barang dan sebagainya. Pada mulanya kita ingat apabila berkongsi menjadi ahli syarikat perkapalan itu nasional shipping kita boleh berjalan dengan baik. Sekarang kita sudah terikat, kita hendak keluar tidak boleh kerana sudah menjadi ahli. Saya ada dengar daripada seorang pengekspot mengatakan dia boleh dapat hantar barang dengan kapal Russia pula sekarang. Adakah kita hendak galakkan kapal Russia masuk ke negeri ini membawa barang-barang? Adakah kita suka bumiputra joint venture dengan Russia dalam business? Sekiranya Kerajaan tidak dapat perbetulkan benda ini, barangkali kita tidak ada alternative bumiputra hendak masuk dalam lapangan impot-ekspot joint venture dengan Russia. Bila kita join dengan Russia berbagai-bagai masalah akan timbul.

Ini adalah masalah perdagangan perkapalan dan saya tidak hendak bercakap panjang supaya masa kita berhenti setelah saya tamatkan ucapan saya ini. Saya rasa perlulah Kerajaan khasnya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Kementerian Perhubungan memikirkan tentang masalah orang Melayu dalam perdagangan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, 13hb Januari, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.